

"HARI Guru adalah salah satu 'Hari Negara' yang kita raikan pada setiap tahun. Ia membawa erti tersendiri kepada kebangkitan bangsa. Tidak akan ada kebangkitan itu tanpa guru. Gurulah pencetus semua kebangkitan."
- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-17 Bagi Tahun 2007 pada 15 Syawal 1428/27 Oktober 2007.

"TELAH nampak berbagai-bagai kerosakan di darat dan di laut disebabkan apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia kerana Allah hendak merasakan kepada mereka sebahagian daripada akibat perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali." - (Surah Ar Ruum, ayat 41).

Lindungi diri daripada kesan akibat jerebu

Perutusan tahniah sempena pelantikan Emir baru Qatar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Emir Qatar sempena dengan pelantikannya sebagai Emir baru Qatar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Emir Qatar sempena dengan

pelantikannya sebagai Emir baru Qatar.

Di dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyampaikan harapan baginda semoga His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani akan beroleh banyak kejayaan dan seterusnya berharap untuk bekerja bersama dengan His Highness Sheikh Tamim untuk

terus mengukuhkan lagi hubungan bersaudara di antara kedua-dua buah negara secara dua hala dan sebagai rakan kongsi antarabangsa.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan salam sejahtera kepada His Highness Sheikh Tamim serta harapan baik baginda terhadap kerja-kerja His Highness Sheikh Tamim di masa yang akan datang dan semoga rakyat Qatar akan beroleh kemajuan dan kemakmuran.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Jun. - Berikutan keadaan yang semakin berjerebu di Negara Brunei Darussalam dan laporan mengenai keadaan jerebu yang melanda beberapa buah negara jiran, Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah melindungi diri daripada kesan akibat jerebu terhadap kesihatan.

Jerebu ialah satu fenomena yang berlaku apabila debu halus (particle) yang kering seperti habuk, asap dan sebagainya mencemari udara.

Ia boleh menyebabkan kesan-kesan alahan (allergy) seperti gatal-gatal kepada tubuh badan termasuk mata, hidung dan kerongkong yang boleh menyebabkan batuk, selesema, mata berair dan kesukaran bernafas.

Jerebu juga boleh lebih memudaratkan keadaan mereka yang menghidap penyakit jantung atau paru-paru yang kronik seperti asma (ampus).

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai supaya:

- Mengelakkan daripada berada di luar rumah untuk jangka masa yang lama.
- Mengurangkan aktiviti di luar rumah.
- Mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa seperti mencuci muka dan tangan sebaik saja masuk ke dalam rumah.
- Banyak meminum air.

Ke muka 24

Waktu bekerja di bulan Ramadan

PADA menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sepanjang bulan Ramadan bagi tahun Hijriah 1434/2013 Masihi adalah seperti berikut:

Hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu ialah pada jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang.

Bagi pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa, sementara penentuan memulakan kerja terserah kepada budi bicara kementerian/jabatan masing-masing.

Kibar bendera negara bukti rasa kesyukuran, kecintaan

DI DALAM



Muka 12

BRUNEI-Republik Korea tingkatkan kerjasama pendidikan

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BERAKAS, Selasa, 25 Jun. - Mengibar bendera negara di masa-masa keraian khususnya ulang tahun Hari Keputeraan raja kita adalah syiar perpaduan rakyat yang mengasihi raja, cintakan negara dan bersedia berkorban apa saja untuk raja dan negara.

"Bila masa lagi kita menunjukkan semua ini, ambillah peluang ini kibarkanlah bendera negara kita yang melambangkan negara kita yang ter-

cinta," tegas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned di Majlis Pelancaran Kempen Mengibar Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67.

Majlis yang berlangsung di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar (SMSAB) itu anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B', di sini.

Masalah menganggap perkara itu biasa sa-

haja tentang negara ini adalah sikap yang bahaya dan boleh melemahkan semua pihak, jelasnya.

Menurutnya, kita tidak boleh mengambil ringan mengenai dengan apa-apa jua sikap dan mentaliti yang lambat-laun boleh melunturkan atau menipiskan nilai-nilai jati diri kebruneian kita.

"Apatah lagi untuk memberikan banyak ruang kepada anasir-anasir luar untuk mempengaruhi dan menghilangkan nilai-nilai jati diri kita sebagai orang Brunei. Percayalah menghilangkan atau membuang nilai-nilai ini tidak akan menguntungkan kita," katanya.

Ke muka 13

Latihan bersistematis, tingkat kecemerlangan atlet

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita, kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah, rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi ini bagi menyempurnakan Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke 4th Asian Indoor dan Martial Arts Games, Incheon, Korea 2013. Selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad, Sallallahu Alaihi Wassalam, kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga akhir zaman.

Pada tahun ini Olympic Council of Asia (OCA) telah menggabungkan dua pesta sukan berprestij, iaitu Asian Indoor Games dan Asian Martial Arts Games dan menjadikannya salah satu pesta sukan yang unggul dalam kalender sukan OCA. Pesta sukan ini akan berlangsung, di Bandaraya Incheon, Republik Korea Selatan bermula pada 29 Jun hingga 6 Julai 2013.

Sebelum ini negara kita telah pun menyertai Asian Indoor Games Ke-3 yang diadakan di Hanoi, Vietnam, pada tahun 2009. Manakala, dalam Asian Martial Arts Games negara kita juga turut serta apabila pesta sukan ini julung kalinya diperkenalkan oleh OCA pada tahun 2009, di Thailand.

Pada Edisi ke 3, Asian Indoor Games 2009, atlet-atlet Negara, telah berjaya memperolehi, 1 pingat perak, dan 5 pingat gangsa, dari acara sukan Pencak Silat dan 1 pingat gangsa dari acara sukan Wushu. Begitu juga di pesta sukan,

Asian Martial Arts Games 2009 atlet-atlet negara telah berjaya meraih 1 pingat perak dan 2 pingat gangsa dari acara sukan Pencak Silat. Kejayaan itu sekali gus membuktikan bahawa Negara Brunei Darussalam bukan saja cemerlang di halaman sendiri tetapi juga, mampu bersaing dan meraih pingat di persada sukan peringkat Asia.

Walau bagaimana pun pesta sukan 4th Asian Indoor and Martial Arts Games 2013 tidak akan mempertandingkan acara sukan Pencak Silat dan Wushu sekali gus menutup peluang untuk kita mengulangi kejayaan-kejayaan tersebut.

Namun yang demikian, atas sokongan yang berterusan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang mana kita sangat-sangat berterima kasih dan menghargainya serta usaha padu Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sebagai ahli OCA. Negara ini akan sentiasa komited dan akan terus menyertai pesta sukan seumpama ini, walaupun acara-acara sukan yang dipertandingkan diluar dari kebiasaan yang disertai oleh atlet-atlet kebangsaan kita.

Insya-Allah, 3 orang atlet negara iaitu Awang Anderson Lim, Awang Ahmad Taufik bin Murni dan Awang Yee Soon Wei, masing-masing akan menyertai acara-acara sukan renang, sukan billiard dan snooker dan chess. Saya sukacita mengucapkan syabas dan tahniah kepada mereka kerana terpilih untuk mewakili negara.

Saya penuh yakin kecemerlangan yang telah dicapai sebelum ini adalah hasil dari program latihan yang bersistematis, pemantauan dan



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Bagi Majlis Penyerahan Bendera Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke 4th Asian Indoor Games and Martial Arts Games 2013, Incheon, Korea pada 22 Jun 2013.

bimbingan berterusan ke atas kemajuan atlet-atlet tersebut dari pihak-pihak berkenaan. Selain dari itu, saya juga menghargai pengorbanan dan komitmen semua pihak dalam memastikan usaha-usaha bersepadu dapat dijalankan secara *team work*, dengan mengambil kira, perlaksanaan peranan dan tanggungjawab masing-masing ke arah satu objektif iaitu untuk memperoleh kejayaan.

Sehubungan dengan penyertaan atlet negara dipesta sukan kali ini saya berharap mereka juga diberikan perhatian dan bimbingan yang sama agar mereka dapat menumpukan perhatian sepenuh hati dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Mudah-mudahan dengan semangat perjuangan keazaman dan kesungguhan untuk memberikan saingan mereka akan beroleh kejayaan dan dapat membanggakan negara.

Akhirnya, tahniah dan syabas sekali lagi saya ucapkan kepada atlet-atlet yang terpilih dan berdoa supaya mereka semua dan pegawai-pegawai yang bertugas akan sentiasa diberikan kesihatan dan kesejahteraan serta sentiasa dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala di sepanjang 4th Asian Indoor Game, dan Martial Art Games 2013. Amin.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

26 JUN 2013 BERSAMAAN 1434 شعبان 17

JEREBU KEMBALI LAGI, AMBIL LANGKAH LINDUNGI DIRI

PENCEMARAN udara akibat pembakaran ladang dan hutan dari negara jiran telah membawa angin monsun lebih buruk ketika ini berbanding sebelumnya. Perkara ini telah mengakibatkan 'Jerebu' kembali semula.

Pemantauan jerebu yang dilakukan oleh negara-negara yang terlibat teruk dari kesan pembakaran itu khususnya Republik Singapura dan Malaysia telah mencatatkan keadaan bertambah buruk sehingga bacaan 'Pollutant Standard Index' (PSI) mencecah lebih 700. Perkara ini telah mengakibatkan pengisytiharan keadaan darurat di setengah-tengah negeri di Malaysia dalam keadaan pencemaran udara ditahap yang tidak sihat dan akibat dari itu beratus-ratus sekolah terpaksa ditutup sementara waktu.

Berikutan dari fonemena itu ada dikalangan pemimpin negara-negara ASEAN mencadangkan agar negara perkumpulan serantau ini perlu saling membantu dalam semangat kerjasama untuk menangani masalah jerebu dan isu kualiti udara ketika ini.

Negara kita sendiri, melalui Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah pemantauan dan seterusnya menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah melindungi diri daripada kesan akibat jerebu terhadap kesihatan. Walaupun ketika ini keadaan jerebu di negara kita masih ditahap selamat iaitu dibawah PSI 100, tetapi langkah berjaga-jaga perlu segera diambil agar tidak berlaku gangguan kesihatan kepada rakyat dan penduduk di negara ini. Di mana akibat dari jerebu ini boleh menyebabkan kesan-kesan alahan (allergy) seperti gatal-gatal kepada tubuh badan termasuk mata, hidung dan kerongkong yang boleh menyebabkan batuk, selesema, mata berair dan kesukaran bernafas. Jerebu juga boleh lebih memudaratkan keadaan mereka yang menghidap penyakit jantung atau paru-paru yang kronik seperti asma (ampus), terutama kepada golongan kanak-kanak, warga emas dan juga mereka yang menghadapi penyakit kronik.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan telah menasihatkan orang ramai supaya mengelakkan diri daripada berada di luar rumah untuk jangka masa yang lama di samping mengurangkan aktiviti di luar rumah. Orang ramai jua dinasihatkan mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa seperti mencuci muka dan tangan sebaik saja masuk ke dalam rumah; Banyak meminum air; Menggunakan krim atau losyen pelembap bagi kulit yang kering; Menggunakan cecair titik mata yang tidak mempunyai bahan pengawet (preservative-free eye drops) jika mata terasa pedih.

Kementerian Kesihatan juga menasihatkan orang ramai agar mengambil langkah-langkah pencegahan bagi mengurangkan kesan kesihatan akibat jerebu dengan menggunakan penutup hidung dan mulut yang sesuai. Langkah segera dari Kementerian Kesihatan ini harus dipuji, kerana kita tidak mahu peristiwa pada tahun 1997 berulang lagi dimana kejadian jerebu yang paling teruk dialami pada tahun tersebut disebabkan oleh pembakaran terbuka oleh negara jiran, dan negara kita tidak terkecuali terjejas teruk akibat daripada fenomena itu. Ianya juga bukan sahaja menimbulkan masalah kepada negara kita malah negara-negara lain yang berdekatan.

Bagi mengelakkan keadaan bertambah buruk akibat dari masalah jerebu, orang ramai juga perlu memberikan kerjasama dengan mengelakkan pembakaran terbuka dan bekerjasama melaporkan kes sedemikian kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat di serta Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan.

Lebih-lebih lagi ketika ini, Kementerian Pembangunan sedang dalam proses menggubal dua Akta Alam Sekitar yang dalam proses akhir pengemaskinian dan pewartaan iaitu 'Environment Protection and Management Order' dan 'Hazardous Waste Control Order' dibawah Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) yang berperanan untuk menjaga alam sekitar. Namun untuk memastikan semua berjalan seperti yang kita rancang adalah satu perkara yang mustahil jika tidak dibantu oleh orang ramai.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan sendiri akan terus memantau keadaan kesihatan akibat jerebu dan akan memberikan maklumat kepada orang ramai dari semasa ke semasa. Bagi tujuan itu orang ramai di negara ini boleh memperoleh maklumat lanjut dengan menghubungi Healthline di talian 145 atau 7180991 atau dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn. - **Ketua Penyuntingan**

Raman Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
32°C	25°C	32°C
MUARA		
31°C	25°C	31°C
PEKAN BANGAR		
31°C	24°C	31°C
PEKAN TUTONG		
31°C	25°C	31°C
PEKAN SERIA		
32°C	25°C	33°C
KUALA BELAIT		
32°C	25°C	31°C

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penyelidikan Alam
Telefon : 2390142 sambungan 1886/1551 atau Talian Cuaca : 114

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaime Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuriahah Haji Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryentty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Arsul Pg. Haji Abd. Momin

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramliah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Jorrani binti Haji Zainal

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Tumpukan pendidikan holistik



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong memberikan ucapan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Jun. - Institusi Teknikal dan Vokasional bukanlah satu tempat yang terakhir bagi pelajar untuk meneruskan pembelajaran oleh itu persepsi masyarakat dan sebahagian pendidik perlulah berubah sejajar dengan keper-

luan masa kini.

“Tidak seperti dulu, pendidikan teknik bukanlah untuk pelajar yang lemah di bidang akademik atau yang gagal, tetapi adalah sebagai salah satu pelaburan utama kerajaan,” jelas Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor**

Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong pada Majlis Sesi Muzakarah Projek Transformasi Pendidikan Teknik Negara Brunei Darussalam Bersama Ketua-ketua Jabatan/Bahagian Kementerian Pendidikan dan Pemimpin-pemimpin Sekolah di Hotel Centrepoint, Gadong, di sini.

Katanya, beliau yang berpendidikan dan berkemahiran mampu membina sebuah ekonomi moden yang berkualiti dengan memberi peluang pekerjaan terutama dalam sektor swasta malah masa depan generasi muda negara adalah sangat penting dan bersama bertanggungjawab bagi memastikan kecemerlangan masa depan.

Yang Berhormat seterusnya mengingatkan akan pentingnya pendidikan teknik dan vokasional sebagai sebahagian

dari sistem pendidikan selain menjadi sebahagian dari SPN 21 serta malah sukar untuk mencari negara yang berjaya dari segi sosial dan ekonomi yang mana ianya tidak mempunyai pendidikan teknik dan vokasional yang bertaraf dunia.

Dalam hubungan ini, Menteri Pendidikan menegaskan prinsip-prinsip yang asas serta amalan-amalan terbaik dari luar negara boleh saja dipelajari dan sebagai sebuah negara yang kecil, tetapi ekonominya yang terus berkembang kita tidak dapat lari dari terus dicabar dengan arus perubahan global yang dinamik.

Menyentuh Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 yang diperkenalkan pada 2008, Yang Berhormat menjelaskan ia merupakan usaha untuk melahirkan generasi muda yang berpendidikan serta menjadi

tenaga kerja yang berkemahiran.

Perubahan kepada dasar berkenaan adalah komitmen Kementerian Pendidikan dalam mendukung Wawasan Brunei 2035 yang mana SPN 21 memastikan semua pelajar itu akan mempunyai sekurang-kurangnya 10 atau 11 tahun persekolahan sebelum mereka meneruskan pengajian mereka ke Tingkatan Enam, Politeknik atau ke institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional.

“Inilah cabaran kita. Cabaran untuk membina sebuah sistem pendidikan kelas pertama yang memberi peluang kepada setiap pelajar untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi melalui kepelbagaian. Misi Kementerian Pendidikan adalah untuk memberikan pendidikan holistik untuk mencapai potensi sepenuhnya untuk semua,” ujar Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat menekankan pendidikan teknikal dan vokasional akan memainkan

peranan penting dalam membina sebuah sistem pendidikan yang mantap, menyeluruh dan bersepadu yang mengiktiraf kepelbagaian bakat dan nilai-nilai dalam diri setiap pelajar.

Menyadari akan perubahan yang pesat tersebut, Kementerian Pendidikan telah melantik bekas CEO ITE dari Singapura, Dr. Law Song Seng untuk membuat satu penilaian terhadap sistem pendidikan teknik dan vokasioanal pada 2012 dan laporannya telah menggariskan beberapa perkara yang memerlukan pembaikan dalam sistem pendidikan teknik masa kini.

Sesi dialog berkenaan merupakan satu usaha dalam membangunkan serta mereka satu pelan sistem pendidikan teknik dan vokasional yang baru di mana perbincangan yang diadakan itu akan dijadikan sebagai sebahagian daripada rangka kepada penubuhan institusi baru yang akan menggantikan Jabatan Pendidikan Teknik.

Transformasi sistem pendidikan teknik perlu pensejajaran

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Jun. - Melihat kepada keperluan, sistem pendidikan teknik yang berada di bawah Jabatan Pendidikan Teknik perlu disusun semula dan diubah sebagai institusi pendidikan ‘post secondary’.

Sistem ini dengan kuasa autonomi yang lebih besar perlulah memberi keutamaan kepada pensejajaran antara

pendidikan dengan keperluan tenaga kerja.

Institusi baru ini jelas Yang Berhormat, diharap akan lebih berjaya dalam memenuhi aspirasi golongan para pelajar serta dapat membantu dalam pertumbuhan ekonomi.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji



Apong menjelaskan perkara tersebut pada Majlis Sesi Muzakarah Projek Trans-

PENASIHAT Kanan Kementerian Pendidikan Dr. Law Song Seng ketika menyampaikan taklimat Projek Transformasi Pendidikan Teknik Negara Brunei Darussalam.

formasi Pendidikan Teknik Negara Brunei Darussalam Bersama Ketua-ketua Jabatan/Bahagian Kementerian Pendidikan dan Pemimpin-pemimpin Sekolah di Hotel Centrepoint, Gadong, disini.

Yang Berhormat menyokong penuh transformasi sistem pendidikan teknik ini dalam



Diantara peserta-peserta yang menghadiri taklimat Projek Transformasi Pendidikan Teknik Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Jabatan Pendidikan Teknik dan Pusat Serantau SEAMEO-VOC TECH.

sama-sama memastikan masa depan yang lebih baik untuk negara.

Bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, sistem pendidikan tidak akan dapat bergerak sendiri kerana kejayaan sistem pendidikan sebenarnya adalah bergantung kepada sokongan padu dari pihak-pihak yang berkepentingan sama ada dalam kerajaan, industri dan komuniti.

Yang Berhormat menambah, kejayaan transformasi pendidikan teknik ini juga tertakluk kepada kekuatan asas para pelajar terutamanya dalam bidang numerasi, literasi dan sains.

Dalam hubungan itu, Menteri Pendidikan menekankan bahawa pengukuhan pendidikan teras yang bermula dari pendidikan awal kanak-kanak adalah perlu diambil serius kerana kejayaan setiap anak bangsa kitani untuk mendapat pelajaran dan pekerjaan yang berkualiti adalah tanggungjawab kita semua dari peringkat rendah dan menengah.

“Penyediaan satu prasarana baik adalah perlu, di samping kualiti dan semangat perguruan yang tinggi, seimbang dan selari di perbagai peringkat. Ini

adalah kunci kepada kejayaan masa depan generasi anak bangsa kitani kerana jika seseorang pelajar itu sudah diterapkan dengan kemahiran-kemahiran asas yang kukuh dari peringkat awal pendidikan, kelas remedial atau kelas pemulihan maka di peringkat menengah tidak perlu lagi diadakan,” ujar Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat menambah masalah kelemahan penuntut adalah tanggungjawab bersama semua pihak di pelbagai peringkat dan bukannya untuk dilepaskan saja untuk ditangani oleh pihak di peringkat seterusnya.

Jelas Menteri Pendidikan, banyak cabaran akan bakal mereka lalui namun perjalanan transformasi harus bermula dan mereka akan tetap berusaha untuk membina satu keluarga tenaga kerja mahir dan berpendidikan.

Untuk mencapai kejayaan yang dihasratkan itu Kementerian Pendidikan juga sentiasa memerlukan sokongan semua pihak terutama para pemimpin masyarakat, guru-guru, agensi-agensi kerajaan, industri dan komuniti.

Terima hidayah dari Allah

**Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abd Karim**

TEMBURONG, Khamis, 20 Jun. – Sepasang suami isteri berbangsa Iban telah mendapat hidayah dari Allah Subhanahu Wata’ala untuk memeluk agama Islam dan seterusnya meninggalkan pegangan hidup mereka yang lama.

Majlis pengislaman bagi Jamil anak Ingkan dan isterinya Sarifah anak Impi, masing-masing berusia 79 tahun, berlangsung di kediaman menantu mereka Mohd Khairuddin bin Mohd Emran, C6 SPO Flat Balai Polis Bangar, Temburong.

Setelah melafazkan ikrar dua kalimah syahadah, mereka kini dikenali sebagai Abdul Rahman bin Abdullah Ingkan dan Nurul Sharifah binti Abdullah Impi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan mendahului menabur bunga rampai ialah Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Ustaz Haji Miramit bin Haji Damit.

Juga hadir Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Penguasa Polis Husaini bin Haji Matzin.

Sementara itu satu lagi majlis pengislaman juga diadakan bagi seorang lagi wanita berbangsa Iban, Jacnita anak



SETELAH melafazkan ikrar dua kalimah syahadah, Jamil anak Ingkan dan isterinya Sarifah Anak Impi kini dikenali sebagai Abdul Rahman bin Abdullah Ingkan dan Nurul Sharifah binti Abdullah Impi.

Mulok berusia 20 tahun yang berasal dari Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi.

Majlis pengislaman beliau yang kini dikenali sebagai Nur Syazwani binti Abdullah Mulok itu diadakan di pejabat

Unit Dakwah, Daerah Temburong.

Dengan berlangsungnya majlis-majlis pengislaman tersebut, seramai 18 orang saudara baru dicatatkan memeluk Islam oleh Unit Dakwah, Daerah Temburong dari bulan Januari hingga sekarang.

Delegasi AiTi capai matlamat sertai CommunicAsia 2013

SINGAPURA, Jumaat, 21 Jun. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) yang menyertai CommunicAsia 2013 menyifatkan penyertaan mereka telah mencapai sasaran yang bermakna.

Sepanjang menyertai pameran, delegasi Negara Brunei Darussalam telah diberi taklimat oleh syarikat-syarikat ICT Singapura di bawah Pavilion Persekutuan Infocomm Teknologi Singapura (SITF) dan pameran e-Kerajaan oleh Lembaga Pembangunan Infocomm Singapura (IDA) di CommunicAsia 2013.

Acara kejayaan yang diperolehi termasuk Majlis Menandatangani Perjanjian Bagi Projek Tambahan dengan Pihak Berkuasa Pembangunan Media Singapura (MDA) bagi kerjasama dalam pembangunan kapasiti manusia penyiaran dan media, Perjanjian Projek dengan IDA Antarabangsa Pte Ltd (IDA International) bagi kerjasama dalam pembangunan kapasiti manusia bagi ICT, dan Memorandum Persefahaman antara Penerbitan PHMD Brunei dan Singapura LDR Pte Ltd mengenai pembangunan bersama aplikasi mudah alih berasaskan kurikulum untuk sekolah-sekolah Brunei.

Majlis tersebut disaksikan oleh Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dan Menteri Singapura bagi Komunikasi dan Maklumat, Dr. Yaacob Ibrahim di CommunicAsia 2013.

Tiga syarikat tempatan ICT Negara Brunei Darussalam termasuk Bru InnovEdu, Perkhidmatan Sayap Perak dan MeSixty Sdn Bhd juga digunakan CommunicAsia 2013 sebagai landasan untuk produk dan perkhidmatan mereka.

Dengan penutupan CommunicAsia tahun ini, syarikat-syarikat dari delegasi Negara Brunei Darussalam memberi penilaian mereka dalam misi perniagaan ini.

"Kami diberi peluang untuk bertemu rakan-rakan yang sedia ada dan yang berpotensi dari seluruh dunia. Semasa sesi jaringan perniagaan, kita dapat menimba ilmu pengetahuan yang lebih kepada teknologi canggih yang sedang dilaksanakan di negara-negara lain," jelas M Yamin A Hamid - Pembangunan Perniagaan dari Network Integrity Assurance Technologies (NiAT) mengambil bahagian dalam CommuincAsia2013.

Sementara itu, Penolong Pengurus Bahagian Inisiatif-Inisiatif Baru dan Inovasi, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei BEDB, Suzie Abu Bakar menyatakan ia merupakan satu



MENTERI Perhubungan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar bergambar ramai bersama-sama juga Menteri Singapura bagi Komunikasi dan Maklumat, Dr. Yaacob Ibrahim di CommunicAsia 2013.

platform yang baik untuk mempamerkan program baru BEDB, permulaan Negara Brunei Darussalam dan memanfaatkan platform rangkaian CommunicAsia untuk menarik permulaan luar negara.

Pengurus Kumpulan Korporat Komunikasi DST, Elixsurian Haji Busu berkata DST menyertai bagi kali kedua di bawah Pavilion Brunei merupakan peluang untuk mempromosi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh DST kepada pelbagai pemimpin perniagaan, pembekal yang berpotensi, dan penonton awam.

DST telah menawarkan perkhidmatan mudah alih, dan perkhidmatan jalur lebar rumah, multimedia, membayar TV, radio dan perkhidmatan penyepaduan sistem.

DST juga memperkenalkan inisiatif terbaru mereka Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang dinamakan 'Save Safar', yang disokong android aplikasi mudah alih, yang dibangunkan oleh Golongan Muda Negara Brunei Darussalam, yang menyokong keselamatan jalan raya dan mengurangkan kadar kemalangan dengan membenarkan pemandu untuk mengehadkan ciri-ciri peralatan

mudah alih mereka untuk memberi tumpuan lebih di jalan raya.

Sazali bin Mohammad Ariff dari Folec Telekomunikasi (B) Sdn Bhd pula merakamkan terima kasih kepada AiTi atas pengalaman dan peluang yang diberikan kepada FolecBrunei untuk mengambil bahagian dalam CommunicAsia 2013.

FOLECBRUNEI telah dapat meluaskan rangkaian melalui pasaran TELCO di Asia, di samping untuk mendapatkan petunjuk baru bagi produk baru.

Sementara itu syarikat berkenaan telah mendapatkan pengedar baru bagi pelbagai syarikat telekomunikasi dan produk IT dari Eropah.

"Kami akan terus menyokong AiTi dalam usaha untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai HUB untuk IT dan TELCO. Kami mengiktiraf kerja keras AITI untuk menggalakkan syarikat tempatan Brunei TELCO & IT menceburi pasaran serantau dan antarabangsa," jelasnya.

Joseph Rey B. Renegado - Pengurus Teknikal dari BruGPS Technologies pula menjelaskan pameran CommunicAsia tahun ini telah

memberi kesan yang positif bagi BruGPS Technologies dan peluang bertemu dengan syarikat-syarikat yang berbeza dari seluruh dunia yang terlibat dalam bidang IT yang menyediakan perisian yang berbeza dan penyelesaian perkakasan.

"Ia membantu kami mencari cara yang lebih baik untuk mendapatkan pendedahan dan memperoleh petunjuk tentang merancang untuk mengembangkan perniagaan. Selain daripada ini, kita telah berjaya untuk bermesyuarat dan membincangkan secara terperinci dengan syarikat-syarikat yang juga kebetulan menjadi pembekal perkakasan dan penyepadu sistem perisian yang amat berminat dan bersedia untuk menjadi penjual semula kami atau untuk bekerjasama dengan kami dari rantau yang berbeza," ujarinya.

Liam Janin - CEO dari MeSixty Sdn Bhd pula menyatakan CommunicAsia terbukti menjadi platform yang hebat untuk melancarkan 'Best of Halal' dan menerima pujian luas dari majoriti pengunjung sekali gus berharap akan memperluaskan promosi lebih luas pada bulan akan datang.

Shavon Hon Bru daripada InnovEdu berkata pihaknya menerima maklum

balas pengunjung yang amat menggalakkan dan positif.

"Kami agak terkejut menerima banyak pertanyaan daripada rakan-rakan perniagaan yang berpotensi dari media dan industri pendidikan. Perniagaan tersebut adalah dari negara-negara Asia, sebagai pelanggan sasaran kami," jelasnya.

Ak. Mohd. Khairi bin Pg. Haji Metussin, Pengasas/ Ketua Pegawai Eksekutif daripada Syarikat Penerbitan PHMD telah melalui MoU dengan Syarikat Singapura yang telah meningkatkan lagi ke satu tahap kepada skala inovasi untuk kegunaan yang lebih baik dan membantu memperbaiki model perniagaan kita.

Hiro Tien daripada Pengiklanan SocialBuzz turut mengongsikan pengalaman sambil mengakui penyertaan syarikatnya merupakan peluang memberi faedah yang sangat bernilai.

Sophia Siu yang mewakili Perkhidmatan Silver Wings mengakui akan membuka ruang untuk memenuhi permintaan pelbagai masyarakat dari negara-negara yang berbeza, latar belakang, kepakaran dan minda.

AiTi, IDA kongsi perkembangan ICT

SINGAPURA, Khamis, 20 Jun. - Syarikat-syarikat ICT Brunei Darussalam dan delegasi yang menyertai pameran CommunicAsia telah diberi peluang meningkatkan pengetahuan dalam perkembangan ICT.

Menurut Siaran Akhbar dari AiTi, Pihak Berkuasa Pembangunan Infocomm Singapura (IDA) telah memberi mendedahkan beberapa penyelesaian perkhidmatan dan e-Kerajaan Singapura di IDA Pavilion Singapura semalam.

Pameran e-Kerajaan diadakan

adalah bersempena Pertukaran e-Kerajaan Dunia 2013, satu perhimpunan dwitahunan profesional e-Kerajaan, pakar-pakar dan ketua pegawai maklumat untuk berkongsi pengalaman, idea dan kajian kes mengenai e-Kerajaan, di sini.

Lawatan ke IDA e-Kerajaan Pavilion Singapura diketuai oleh Timbalan Ketua Eksekutif (Peraturan, Industri dan Antarabangsa), Queh Ser Pheng, mewakili Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AiTi) yang dialu-alukan oleh Timbalan Pengarah (Operasi

Antarabangsa), IDA, Encik Melvern Ong.

Lawatan bermula dengan demonstrasi visual Pihak Berkuasa Pembangunan Semula Bandar (URA) permohonan Perancang Bandar 3D dan mendengar taklimat mengenai analisis perniagaan sebagai trend yang akan datang besar dalam ruang Infocomm.

Rombongan juga ditunjukkan demonstrasi secara langsung analisis aplikasi perniagaan runcit.

Satu lagi analisis aplikasi perniagaan yang ditunjukkan adalah

pengoptimalan inventori yang mana perniagaan boleh menggunakan pesanan jualan harian, bulanan dan data dalam stok untuk memastikan bahawa terdapat stok inventori yang optimum dan sekali gus meningkatkan perolehan saham.

Dalam arena perkakasan, delegasi menyaksikan demonstrasi produk inovatif dipanggil iTwin Connect - peralatan berasaskan USB merupakan penyelesaian konfigurasi sifar Virtual Private Network, (VPN) yang sangat mudah untuk digunakan.

Para delegasi juga melihat secara

dekat demonstrasi Ruang Putih TV IDA yang menjadi saluran siaran TV yang tidak digunakan yang disediakan oleh peralihan dari analog kepada TV digital.

AiTi berharap taklimat dan lawatan yang diadakan di CommunicAsia akan meluaskan horizon syarikat ICT Brunei.

Pameran dan demonstrasi juga akan dapat memberikan syarikat-syarikat berkeaan menghargai trend dan aplikasi terkini dan menggunakan teknologi di Negara Brunei Darussalam sebagai bukti dapat bekerjasama dengan Singapura.

Penyerahan 'Cool Boxes' jamin kualiti ikan



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyampaikan skim bantuan perikanan berupa "cool boxes" kepada seorang nelayan pada majlis tersebut.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Jun. - Seramai 250 nelayan sepenuh masa secara persendirian dan bersyarikat yang berlesen di bawah Jabatan Perikanan bagi Daerah Brunei Muara tersebut menerima kupon Skim Bantuan Perikanan berupa 'Cool Boxes' yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi penyampaian kupon tersebut ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Skim bantuan yang berupa 'Cool Boxes' itu adalah bagi kegunaan para nelayan untuk menyimpan ikan-ikan

hasil tangkapan mereka dan bertujuan untuk menjamin kualiti dan kesegaran ikan yang mana kualiti itu akan menarik perhatian para pembeli sekaligus akan merasa puas hati dan menjadi keutamaan para pengguna malah sambutan pasaran juga akan lebih meningkat.

Dengan bantuan itu sedikit sebanyak diharap akan dapat membantu dalam meningkatkan pendapatan dan penghasilan para nelayan dalam menyediakan keperluan-keperluan asas untuk melicinkan operasi serta membolehkan mereka untuk bergiat aktif dan memudahkan lagi dalam perusahaan menangkap ikan dengan adanya tempat penyimpanan ikan tersebut.

Skim Bantuan Perikanan itu juga dihasratkan untuk dilaksanakan kepada semua nelayan-nelayan tempatan di seluruh negara pada masa akan datang.

Turut hadir pada majlis itu, Setiausaha Tetap KPSSU selaku Pengerusi Majlis, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap di KPSSU, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos dan Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim serta ketua-ketua jabatan dan bahagian di bawah kementerian berkenaan.

Kunjungan Muhibah kukuhkan hubungan dua hala

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Rabu, 19 Jun. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar, telah berkesempatan mengadakan kunjungan muhibah kepada Menteri Belia dan Sukan, Malaysia, Yang Berhormat Khairy Jamaluddin Abu Bakar, semasa menghadiri Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Bersama Hubungan Dua Hala (Joint Committee For Bilateral Cooperation) di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Majlis Kunjungan tersebut berlangsung di bangunan ibu pejabat Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, di Putrajaya, Malaysia.

Yang Berhormat Khairy Jamaluddin Abu Bakar melahirkan penghargaan terhadap hubungan akrab di antara kedua buah negara sejak dulu lagi dan memberi komitmen untuk meneruskan usaha sebelumnya.

Yang Berhormat percaya kerjasama dalam bidang kebeliaan dan kesukanan termasuk bidang kesukarelawanan, keusahawanan belia dan pembangunan sukan akan mengeratkan lagi hubungan bukan sahaja di peringkat rasmi, malahan juga di antara rakyat dan penduduk kedua buah negara.

Semasa kunjungan muhibah tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Mohd. Hamid telah mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat dan Kerajaan Malaysia, khususnya Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia di atas penganjuran Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Hubungan Dua Hala Brunei Darussalam dan Malaysia susulan kepada mesyuarat pertama yang telah diadakan di Bandar Seri Begawan, pada 19 November 2012.

Penubuhan Jawatankuasa ini di peringkat pegawai-pegawai kanan adalah persetujuan bersama untuk merangka pelan tindakan bagi merealisasikan Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua negara yang telah ditandatangani pada 2 Julai 2011 melalui pelaksanaan program-program kerjasama dalam bidang kebeliaan dan kesukanan.

Mereka bersyukur mesyuarat tersebut yang telah membuahkan hasil yang menggembirakan bagi kedua buah pihak yang mana program-program yang telah dipersetujui akan dijalankan bermula tahun ini.

Usaha tangani isu pengangguran, kemiskinan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Jun. - Seramai 2,740 pencari kerja di Negara Brunei Darussalam sudah berdaftar di bawah Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) dan isu pengangguran dan kemiskinan itu merupakan salah satu isu global yang dihadapi sekarang.

Perkara itu dijelaskan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos semasa berucap pada Majlis Taklimat Pekerjaan dan Keusahawanan Program 'Kerjayaku Masa Depan' sempena Hari Keluarga Kebangsaan

Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di KKBS, Berakas, di sini.

Sehubungan itu, sejumlah 4,564 ketua keluarga juga menerima bantuan kebajikan bulanan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan peningkatan jumlah-jumlah itu merupakan satu cabaran kewangan dan sustainability.

Beliau menambah bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah untuk menangani isu-isu tersebut, di antaranya ialah usaha melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) yang mengadakan Dana Pembangunan Sumber Tenaga Manusia berjumlah BND250 juta diperuntukkan bagi program-program pembangunan kapasiti di negara ini.

Jelasnya lagi, agensi-agensi kerajaan lain dan badan korporat seperti Kementerian Pendidikan, KKBS melalui Pusat Pembangunan Belia dan JAPEM, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui APTK, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui JPKE, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama (KPSSU) melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan, Majlis Ugama Islam Brunei melalui Program Pengupayaan Asnaf Zakat, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei Darussalam, Syarikat Minyak Shell Brunei melalui Livewire Brunei Darussalam juga giat melaksanakan beberapa program dan projek bagi membantu rakyat serta penduduk untuk membangunkan kapasiti dalam pelbagai bidang kemahiran agar dapat



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Taklimat Pekerjaan dan Keusahawanan Program 'Kerjayaku Masa Depan' Sempena Hari Keluarga Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

berdikari demi mencapai kehidupan yang lebih baik dan menjamin masa depan yang lebih cerah.

Setiausaha Tetap KKBS yang juga selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan pelancaran taklimat berkenaan seterusnya menjelaskan pihak kerajaan telahpun berusaha menyediakan peruntukan kewangan, infrastruktur, membentuk pelbagai program khusus bagi menangani isu pengangguran dan kemiskinan serta menubuhkan Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan sebagai salah satu langkah dalam menangani isu kemiskinan di negara ini.

Usaha-usaha semua pihak itu katanya, bertujuan untuk merealisasikan Wawasan 2035 ke arah rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi dan kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi, di samping itu bagi menyediakan peluang-peluang pekerjaan demi kesejahteraan hidup

rakyat dan penduduk di negara ini.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Sosial, KKBS, Dayang Hajah Fatimah binti Pehin Penyurat Haji Mohammad Salleh dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan Program 'Kerjayaku Masa Depan' yang diadakan ini dapat memberikan impak yang menyeluruh di seluruh negara.

Di majlis tersebut juga diadakan beberapa taklimat yang telah disampaikan oleh beberapa agensi seperti Pusat Pembangunan Keusahawanan, APTK, Pusat Pembangunan Belia dan JAPEM.

Sehubungan itu, melalui taklimat berkenaan diharap dapat memberi kesedaran kepada para pencari kerja bahawa pihak kerajaan ada menyediakan program-program pembangunan kapasiti dan peluang-peluang pekerjaan dan

perniagaan, manakala dari sudut sektor swasta pula agar dapat memberikan ruang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk sebagai membantu usaha-usaha kerajaan dalam mengurangkan kadar pengangguran dan kemiskinan di negara ini.

Lebih 400 peserta menghadiri sesi taklimat yang terdiri daripada penerima bantuan kebajikan bulanan JAPEM, para lepasan Program Khidmat Bakti Negara dan Pusat Pembangunan Belia yang masih lagi mencari pekerjaan.

Juga hadir, Pemangku Pengarah JAPEM, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung, Yang Dipertua-Yang Dipertua Majlis Wanita dan Majlis Kesejahteraan Masyarakat, pegawai dan kakitangan KKBS.



SETIAUSAHA Tetap KKBS semasa menyempurnakan pelancaran Majlis Taklimat Pekerjaan dan Keusahawanan Program 'Kerjayaku Masa Depan' Sempena Hari Keluarga Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Kumpulan Al Mauizun menjuarai Pertandingan Peringkat Akhir Nasyid 2013

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Jun. - Dengan membawakan nasyid yang bertajuk 'Senjata Kegemilangan Ummah', Kumpulan Al Mauizun muncul juara pada Pertandingan Peringkat Akhir Nasyid 2013 yang berlangsung malam ini di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei, di sini.

Naib juara disandang oleh Kumpulan Aswatul Madiah dengan nasyid 'Keluarga Islam Bersatu' sementara tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan Azzahra yang membawakan nasyid 'Selamat Sejahtera Keluarga Bahagia'.

Johan menerima hadiah wang tunai BND2,500 berserta Piala Pusungan berserta Piala Iringan dan sijil sementara tempat kedua dan ketiga masing-masing menerima hadiah wang tunai BND2,000 dan BND1,500

berserta piala iringan dan sijil.

Hadir selaku tetamu menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned.

Kumpulan Al Mauizun juga diumumkan sebagai pemenang bagi Lirik Terbaik dan Kumpulan Aswatul Madiah pula diumumkan sebagai pemenang bagi Lagu Terbaik.

Sebanyak lapan pasukan bertanding terdiri dari Kumpulan An Najihun, Aswatul Madiah, Kumpulan Al Wildan, Kumpulan Azzahra, Firqah Ar Roja, Kumpulan Al Widaad, Kumpulan Al Mauizun dan Kumpulan Asy-Syura.

Majlis turut diserikan dengan persembahan deklamasi sajak dan persembahan dari johan Nasyid 2011 iaitu Kumpulan Nur Firdaus.

Abdul Rahim johan Pertandingan Membaca Al-Qur'an



MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Ibrahim menyampaikan hadiah kepada Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin johan Pertandingan Membaca Al-Qur'an Kementerian Kewangan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) menjuarai Pertandingan Membaca Al-Qur'an Kementerian Kewangan dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya bagi Kategori Qari dengan mendapat markah sebanyak 85 peratus.

Tempat kedua bagi Kategori Qari yang hanya disertai oleh dua peserta itu dimenangi oleh Awang Abdul Razak bin Su dari Agensi Pelaburan Brunei dengan markah sebanyak

80.5 peratus.

Sementara itu peserta tunggal bagi Kategori Qariah, Dayang Aieni binti Abdullah dari JKED yang memperolehi markah sebanyak 61 peratus diberikan tempat.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para peserta pada majlis yang berlangsung di Dewan Teater Kementerian Kewangan, di sini ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Acara kelolaan JKED yang merupakan aktiviti tahunan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya itu antara lain bertujuan untuk memilih wakil Kementerian Kewangan ke pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Qur'an peringkat kementerian-kementerian, di samping mengetengahkan bakat-bakat dalam kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam pembacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian tersebut.



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned semasa menyampaikan hadiah kepada wakil Kumpulan Al Mauizun juara Pertandingan Peringkat Akhir Nasyid 2013.

Israk Mikraj bukti kebesaran, panduan kehidupan

KUALA BELAIT, Jumaat, 21 Jun. - Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semasa Israk telah diperlihatkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala peristiwa-peristiwa besar sebagai panduan Baginda dan umat Baginda dalam mengharungi kehidupan beragama, bermasyarakat dan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof ketika menyampaikan ceramah khas Israk Mikraj.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

bernegara supaya selamat di dunia dan juga di akhirat.

Antara peristiwa yang diperlihatkan termasuk azab dan hukuman orang yang meninggalkan solat, melakukan zina dan sebagainya.

Manakala ketika Baginda Rasulullah dimikrajkan, Baginda telah diberikan kemampuan untuk menyaksikan sendiri tanda-tanda kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala seperti menyaksikan syurga dan neraka serta berjumpa para nabi yang telah syahid.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof menyampaikan ceramah khas berkenaan sempena sambutan Israk Mikraj kelolaan KHEU melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Unit Ceramah Pusat Da'wah Islamiah berlangsung di Masjid Kampung Sungai Teraban, di sini.

"Baginda Rasulullah telah pun diberikan penghormatan tinggi oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang malaikat sendiri pun tidak diberikan penghormatan tersebut," jelasnya.

Beliau menambah tanda-tanda kebesaran Allah yang diperlihatkan kepada Nabi akan dikongsikan kepada umat Baginda di samping itu Baginda juga menginginkan hadiah untuk umatnya dan Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan hadiah yang besar kepada Rasulullah dan juga umat Baginda iaitu solat.

"Ini menunjukkan betapa pentingnya ibadat solat kerana ibadat solat adalah cara untuk kita mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan solat juga mencegah daripada kemungkaran," ujar beliau.

Pengisian ceramah antara lain menyentuh mengenai bulan-bulan yang penting dalam Islam yang berkaitan dengan Israk Mikraj meliputi

bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan serta kemuliaan bulan-bulan berkenaan.

Ceramah khas seumpama itu akan berakhir di Masjid Kampung Rataie, Daerah Temburong pada 27 Jun ini

yang dijangka akan disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Program ceramah khas bertujuan bagi meningkatkan dan meninggikan lagi syiar Islam di negara ini.



PARA jemaah dan penduduk kampung yang antara hadir mendengar ceramah yang disampaikan.

Seni Kaligrafi Islam khazanah tertua umat Islam

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Jun. - Seni Kaligrafi Islam atau lebih sinonim dengan nama seni khat merupakan khazanah tertua di dunia yang masih dimiliki oleh umat Islam.

Perkembangan Islam yang tersebar ke seluruh dunia menyaksikan Kaligrafi Islam teradaptasi dengan perubahan yang berlaku tanpa menghilangkan ciri dan nilai keislamannya.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof menyatakan perkara

tersebut semasa berucap dalam Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Seni Khat Jawi Kebangsaan 1433H sempena Sambutan Israk dan Mikraj 1434H bertempat di Ruang Legar, Kompleks Membeli-Belah Times Square, Berakas.

Pusat Da'wah Islamiah (PDI) katanya telah mengadakan peraduan seni khat Jawi itu buat kali ke-15 sejak tahun 1985 dan ia merupakan usaha besar dan penting bagi mengangkat martabat seni khat Jawi tersebut sebagai budaya melayu Islam yang wajib dipertahankan.

"Seni khat telah memberikan

sumbangan yang besar kepada tamadun Islam secara keseluruhannya dan ia menjadi pemangkin perkembangan ilmu naqli dan aqli, ilmu keduniaan dan keakhiratan," tambahnya.

Peranan seni khat yang teragung, jelasnya ialah apabila ia digunakan untuk menulis wahyu Allah bagi tatapan seluruh umat Islam yang menjadikannya sebagai satu cabang seni dan ilmu yang tidak dapat dipisahkan dari Al-Qur'an itu sendiri.

"Sesungguhnya khat adalah tinggalan khazanah yang berkait secara langsung dengan Al-Qur'an dan minat yang dipupuk terhadap seni khat tersebut diharap menjadi satu langkah dalam mendewasakan seseorang dengan khazanah Al-Qur'an," jelasnya.

Maka umat Islam tegasnya seharusnya tidak mencari keindahan di luar Islam kerana menurut beliau ia adalah agama yang lengkap bahkan juga melengkapkan keperluan kehidupan umatnya.

"Umat Islam seharusnya sentiasa merujuk kepada panduan Al-Qur'an dan pemimpin Nabi agar membuat pertimbangan yang tepat dalam segala jurusan hidup mereka termasuk dalam bidang seni.

"Dengan menghalusi seni tersebut diharapkan akan menanamkan rasa cintakan Islam," tegasnya lagi.

Beliau seterusnya berharap dan berdoa agar rahmat Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpah ruah di bumi Darussalam yang mensyiar dan mencintai khat tulisan Jawi.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof menyampaikan hadiah tempat pertama bagi Kategori Khas kepada Awang Haji Sabtu bin Surat.

Seni khat Jawi simbol keislaman

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Selasa, 18 Jun. - Para belia dan beliawanis di daerah ini berpeluang menimba pengetahuan dan meningkatkan kemahiran tentang seni khat Jawi dengan berlangsungnya Bengkel Khat Jawi di Masjid Utama Mohamad Salleh, Pekan Bangar di sini.

Bengkel yang dianjurkan buat julung kalinya ini disertai oleh lebih 20 belia yang mana pada peringkat permulaan atau pengenalan ianya memberi tumpuan pada Khat Thuluth dan Khat Nasakh yang lazimnya digunakan dalam penulisan biasa dan hiasan.

Dengan dijayakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid (Kawasan 1) Daerah Temburong, Haji Kamarulzaman bin Kamis bengkel turut disertai oleh para pegawai masjid dan ahli jawatankuasa takmir masjid di daerah ini.

Selain mempromosikan seni khat Jawi kepada masyarakat dan juga menilai sejauh mana mutu tulisan khat Jawi para peserta bengkel dan pengetahuan mereka terhadap khat Jawi, bengkel juga bertujuan untuk mempelbagaikan aktiviti masjid bagi menarik minat masyarakat amnya dan juga para belia khususnya.

Bengkel merupakan salah satu program atau aktiviti jangka panjang takmir Masjid Utama Mohamad Salleh khasnya untuk para belia dan beliawanis yang juga dihasratkan memberi galakan kepada generasi baru khasnya para belia untuk mencintai khat Jawi.

Dengan adanya bengkel sedemikian, khat Jawi diharap dapat dijadikan sebagai satu simbol keislaman yang perlu ditonjolkan kepada generasi baru supaya tidak pupus ditelan zaman.



BENGKEL Khat Jawi pelbagaikan aktiviti masjid bagi menarik minat masyarakat amnya dan juga para belia khasnya.

Mangsa kebakaran terima bantuan MUIB



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, selaku Pemangku Yang Di-Pertua MUIB menyerahkan wang bantuan kepada mangsa kebakaran Kampung Saba Darat 'A'.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Jun. - Dalam usaha membantu mereka yang ditimpa musibah seperti kebakaran, bencana alam dan sebagainya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) memberikan bantuan serta-merta berupa wang tunai bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa-mangsa tersebut.

MUIB menyerahkan wang bantuan kepada mangsa-mangsa kebakaran Kampung Saba Darat 'A', yang berlaku pada 6 Jun 2013 pukul 5.30 pagi melibatkan 15 buah rumah iaitu (12 buah ranap dan tiga buah mengalami sedikit kerosakan kecil) pada Majlis Penyerahan Wang Bantuan Mangsa Kebakaran Kampung Saba Darat 'A', berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Ugama, di sini.

Penyerahan wang bantuan berjumlah BND13,400 (BND200 setiap seorang) kepada 16 buah keluarga seramai 67 orang disempurnakan oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji

Bahrom bin Pengiran Haji Bahar yang juga selaku Pemangku Yang Di-Pertua MUIB.

Di samping itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui MUIB juga menyerahkan bantuan berupa peralatan sekolah seperti beg dan buku-buku sekolah kepada 23 anak dan cucu mangsa kebakaran yang bersekolah iaitu enam daripadanya sekolah menengah dan 17 lagi sekolah rendah yang juga diserahkan oleh tetamu kehormat.

Bantuan tersebut bertujuan bagi kegunaan mangsa-mangsa berkenaan untuk menampung perbelanjaan dan keperluan asasi mereka.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohammad Daud bin Karim yang juga Ketua Kampung Belimbing, Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Ibrahim bin Awang Besar, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan MUIB; Pemangku Penghulu Mukim Saba, Awang Haji Ibrahim bin Awang Besar; Ketua Kampung Saba Darat 'B', Awang Haji Mayalin bin Haji Saat dan ahli keluarga para mangsa.



ANTARA keluarga mangsa kebakaran yang hadir dalam Majlis Penyerahan Wang Bantuan Mangsa Kebakaran Kampung Saba Darat 'A'.

Lawatan sambil belajar mahasiswa PAPRSB IHS UBD ke Manila

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Jun. – Kohort Kedua Diploma Sains Kesihatan (Kejururawatan), Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatol Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam (PAPRSB IHS UBD) akan mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Manila, Republik Filipina bermula hari ini sehingga 25 Jun 2013.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pensyarah PAPRSB IHS



PENSYARAH dari Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah, Irmawati binti Haji Ahmad ketika ditemubual oleh wakil PELITA BRUNEI sebelum rombongan bertolak ke Manila.

UBD, Dayang Irmawati binti Haji Ahmad ketika ditemubual oleh wakil Pelita Brunei dan rombongan sebelum berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas ke Republik Filipina.

Beliau yang merupakan ketua rombongan tersebut menjelaskan, seramai 13 mahasiswa dan siswi kejururawatan yang diiringi oleh lima pensyarah PAPRSB IHS UBD termasuk dirinya akan membuat Lawatan Sambil Belajar Kali Ke-21.

Menyentuh mengenai tujuan lawatan sambil belajar tersebut, Dayang Irmawati menjelaskan mahasiswa dan siswi akan mengalami persekitaran penjagaan kesihatan dan budaya di luar, di samping mereka akan terdedah dengan kedua-dua dimensi pendidikan dan sosial.

Sementara objektif utama lawatan tersebut jelasnya lagi, mahasiswa dan siswi akan dapat belajar tentang perkhidmatan perubatan dan kesihatan di Republik Filipina selain akan dapat membandingkan pendidikan jururawat di negara ini dengan negara tuan rumah yang mengendalikan lawatan sambil belajar iaitu republik tersebut.

“Adalah diharapkan para rombongan khususnya para mahasiswa dan siswa lawatan

sambil belajar ini akan dapat berkongsi pengetahuan dengan negara-negara lain dalam pengurusan penjagaan kesihatan, budaya dan bersosial dengan jururawat dan kakitangan perubatan di luar negara,” ujar Dayang Irmawati lagi.

“Melalui lawatan ini juga mahasiswa dan siswi serta pensyarah-pensyarah yang menyertai lawatan ini akan dapat melihat dan mendapat pendedahan mengenai nilai-nilai dan amalan sistem pengurusan penjagaan kesihatan pada standard antarabangsa.”

Menyentuh mengenai tempat-tempat lawatan rombongan tersebut, jelasnya mereka akan melawat termasuk lawatan teknikal untuk Far Eastern University; Saint Luke Pusat Perubatan dan Pusat Kesihatan Mental Kebangsaan.

Rombongan juga akan berpeluang melawat ke beberapa tempat yang menjadi pusat tarikan pelancong di negara tersebut, antaranya Tagaytay City, Manila Ocean Park, Villa Escondido dan Enchanted Kingdom.

PAPRSB IHS UBD yang sebelum ini dikenali sebagai Institut Perubatan telah dirasmikan pada September 2000, ianya telah ditubuhkan selaras dengan wawasan kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk menyediakan latihan perubatan bukan sahaja kepada pelajar-pelajar negara ini tetapi juga kepada pelajar-pelajar dari ba-



ROMBONGAN pelajar Diploma in Health Science (Nursing) akan berada di Manila, Republik Filipina bagi menimba pengalaman penjagaan kesihatan dengan latarbelakang dan budaya yang berlainan dari Brunei Darussalam di samping mengeratkan hubungan antara institusi dua buah negara.

hagian-bahagian lain di rantau ini seperti yang dinyatakan dalam titah baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen Ke-12.

Institut berkenaan memulakan program pertama dalam kerjasama dengan universiti-universiti yang ditubuhkan

antarabangsa, antaranya ialah Program Ijazah Sains Bio-Perubatan yang telah ditubuhkan pada tahun 2001 sehingga 2005 dengan University of Queensland, Australia.

Manakala Program Perubatan juga telah diperkenalkan pada tahun 2004 yang mana institut tersebut juga turut menawarkan kepada mahasiswa dan siswi dengan ijazah per-

ubatan artikulasi dengan sekolah-sekolah perubatan rakan di Australia, Kanada dan United Kingdom.

Hampir satu dekad sejak ianya mula ditubuhkan, PAPRSB IHS UBD kini telah berkembang dalam kedua-dua bidang akademik dan pentadbiran terutamanya dengan integrasi Kolej Kejururawatan PAPRSB ke institut.

Program Community Outreach ketahui status kesihatan penduduk pedalaman

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abd Karim

TEMBURONG, Rabu, 19 Jun. – Seramai 35 pegawai tempatan yang baru

berkhidmat di pelbagai jabatan dan bahagian di bawah Kementerian Ke-



PESERTA membuat pemeriksaan kesihatan kepada para penghuni rumah panjang (atas dan bawah).



sihatan sedang mengikuti Kursus Orientasi dan Induksi bermula 17 Jun lalu hingga 1 Julai nanti.

Antara aktiviti yang terkandung semasa Kursus Orientasi dan Induksi bagi para pegawai yang terdiri dari doktor-doktor dan para profesional kesihatan bersekutu itu termasuklah Program Community Outreach, berlangsung di Rumah Panjang Kampung Amo 'B', Mukim Amo, di sini.

Semasa program dijalankan para peserta membuat pemeriksaan kesihatan kepada para penghuni rumah panjang berkenaan serta memberikan khidmat nasihat tentang penjagaan kesihatan.

Program seumpamanya diterapkan semasa kursus tersebut antara lain bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pegawai dan kakitangan supaya lebih menyedari keadaan pesakit-pesakit yang tinggal di pedalaman seperti di Kampung Amo 'B' dan sekelilingnya.

Selain itu program juga bertujuan untuk mencabar inisiatif, kebolehan berkomunikasi, perancangan strategik, kemampuan membuat keputusan, mengimplementasikan dan membina inisiatif bekerja berpasukan dengan melibatkan diri secara aktif dalam usaha berpasukan untuk mencapai matlamat pasukan.

Dengan mengadakan program seumpamanya diharap akan dapat memberi kefahaman akan kuasa enthusiasm dan faktor kejayaan kritikal dalam membantu mewujudkan pasukan yang berjaya.

Program juga diselajurkan dengan penyampaian derma barang-barang keperluan seharian kepada pesakit-pesakit di bawah jagaan Bahagian Kebajikan Perubatan Pesakit, Kementerian Kesihatan.

30 pelajar Tutong sertai Program Hayya 'Ala Solah

Oleh : Aryentty Hj Ariffin

TUTONG, Isnin, 17 Jun. – Jabatan Pengajian Islam melalui Unit Sekolah Menengah hari ini mengendalikan Program Hayya 'Ala Solah 1434H/2013M bagi pelajar-pelajar sekolah menengah seluruh negara Daerah Tutong yang berlangsung di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong, di sini.

Seramai 30 peserta terlibat menyertai program tersebut yang terdiri daripada pelajar-pelajar terpilih tahun 9, 10 dan 11 yang mengikut kriteria-kriteria yang ditentukan iaitu daripada Sekolah Menengah Muda Hashim, Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Sekolah Menengah Tanjong Maya, Sekolah Menengah Sayyidina Othman dan Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Adapun antara objektif program tersebut diadakan adalah bagi meningkatkan kefahaman, kemahiran serta memupuk minat para pelajar untuk mendalami ilmu fardhu 'ain dalam bab taharah dan solat secara khususnya, di samping itu dapat meningkatkan lagi motivasi para pelajar untuk melakukan ibadah solat dan mendedahkan mereka untuk menjadi imam nanti.

Pengisian program sedemikian adalah melalui pendekatan secara bimbingan dan praktikal di mana para pembimbing program terdiri daripada ketua-ketua guru ugama dan guru-guru Jabatan Pengajian Islam serta sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta.

Program yang diadakan sehari suntuk itu juga diharap agar dapat dijadikan sebagai panduan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan dalam melaksanakan ibadah solat dan taharah serta akan dapat dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian secara istiqamah.

Program Hayya 'Ala Solah merupakan program sokongan dan berterusan ke arah memperkukuhkan penghayatan beragama dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah yang beragama Islam lelaki dan perempuan seluruh negara.

Barigakan Sejarah 'Sayang Brunei'

KARNIVAL Sejarah adalah satu landasan yang signifikan telah menarik minat semua lapisan masyarakat untuk mendekati sejarah negara bangsanya, terutama golongan remaja dan belia.

Dalam Karnival Sejarah 2013 anjuran Pusat Sejarah Brunei (PSB) yang diadakan selama empat hari bermula 17 hingga 20 Jun 2013 telah mendapat sambutan yang menggalakan dengan memukau pengunjung lebih tujuh ribu orang dengan matlamat utamanya iaitu membarigakan sejarah Brunei melalui pameran dan aktiviti seiring dengan temanya 'Sayang Brunei'.

Karnival Sejarah 2013 merupakan salah satu langkah pusat tersebut ke arah mendukung falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) melalui pembelajaran sejarah dalam kalangan masyarakat umum terutamanya generasi muda supaya mengenal sejarah bangsa dan tanah air mereka sendiri.

Pada karnival kali ini, PSB mengundang jabatan-jabatan kerajaan untuk mempamerkan koleksi peralatan lama yang pernah digunakan sejak awal penubuhan jabatan-jabatan tersebut. Enam buah jabatan kerajaan yang terlibat ialah Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Penjara dan Jabatan Perkhidmatan Pos. Di

samping itu pameran individu, kuiz, demonstrasi tekapan, khat Jawi, permainan, sudut artis, teater sejarah, jualan dan promosi, tayangan video sejarah dan persembahan kebudayaan dari etnik Brunei dan Kedayan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta malam festival sejarah.

Melihat pada pentingnya sejarah dalam pembangunan bangsa dan negara, melalui karnival ini, PSB telah berjaya mendekatkan masyarakat kepada sejarah dalam mengangkat dan menjulang sejarah kegemilangan dan kecemerlangan bangsa.

Antara objektif karnival ialah untuk menanamkan semangat cintakan raja, negara, bangsa dan agama (MIB) melalui pameran dan aktiviti sosiobudaya, menanamkan minat orang ramai terhadap sejarah tanah air dalam menempuh arus globalisasi termasuk menanamkan kefahaman orang ramai terhadap pentingnya memelihara nilai-nilai sejarah dan budaya bangsa daripada pupus oleh arus pemodenan.

Kefahaman masyarakat dan remaja ke atas sejarah bangsa dan negara merupakan asas yang sangat penting pada mengukuhkan jati diri rakyat dan penduduk sesebuah negara daripada dimanipulasikan dan dilemahkan oleh unsur-unsur luaran. Ini kerana sejarah boleh dijadikan sebagai pasak dan benteng yang kukuh dalam mengharungi cabaran



KOLEKSI lama yang berupa beberapa biji tempayan yang didapati diperairan negara dan lain-lain koleksi dipamerkan sempena Karnival Sejarah.

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Ihsan KKBS



GAMBAR-GAMBAR atas dan bawah memperlihatkan pelbagai koleksi lama yang masih dipertahankan dan pakaian-pakaian seragam beberapa jabatan kerajaan yang turut dipamerkan sempena Karnival Sejarah anjuran Jabatan Pusat Sejarah Brunei.



globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

Ini adalah antara yang ditekankan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa Perasmian Karnival Sejarah 2013 baru-baru ini bertempat di Atrium, Airport Mall.

Bangsa yang tidak mengetahui sejarah negara bangsanya, tegasnya, adalah bangsa yang sudah kehilangan harga dan identiti diri yang mana sejarah adalah juga

elemen penting kepada pengukuhan dan penghayatan kepada konsep MIB.

Jelas kata Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, walaupun sejarah tidak akan berulang sama (*not repeating itself*) sebagaimana yang berlaku pada masa lalu, akan tetapi terdapat besar kemungkinan sejarah mempengaruhi dan menunjangi peristiwa dan kejadian yang akan berlaku pada masa akan datang.

Yang Berhormat percaya sejarah memberikan peringatan kepada generasi sekarang dan yang akan

datang dan ianya perlu dipertahankan memandangkan ianya memberikan panduan dan iktibar kepada generasi sekarang dan yang akan datang untuk mencapai kejayaan yang lebih gemilang dan bermakna di samping mengajar kita untuk menghindari kesilapan-kesilapan yang telah berlaku.

Apa yang diharapkan pameran dan kegiatan karnival yang diusahakan dapat memupuk dan melahirkan semangat patriotisme serta mengukuhkan ketaatsetiaan kepada raja, agama, bangsa dan negara, di samping menimbulkan lagi rasa cinta kepada sejarah tanah air.

Untuk menjadikan celik sejarah bukan saja dilaksanakan secara formal iaitu melalui kajian-kajian yang direkod dan bukukan ataupun melalui seminar-seminar sejarah, ataupun sebagai mata pelajaran di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi, akan tetapi juga melalui memasyarakatkan dan menghidupkan sejarah secara santai atau tidak formal ke dalam masyarakat dan orang ramai di Negara Brunei Darussalam seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat.

Pusat Sejarah Brunei disarankan akan terus berusaha mencari kaedah-kaedah baru sebagai pendekatan yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan masyarakat dan berharap karnival seumpamanya akan diadakan secara berterusan, dan dilaratkan ke sekolah-sekolah dan kampung-kampung seluruh negara.

Program LESTARI berakhir dengan penyampaian sijil

Berita dan Foto :

Ihsan Yayasan Sultan haji Hassanal Bolkiah (YSHHB)

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Selaras dengan salah satu tujuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dalam mempertingkatkan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat, Yayasan tersebut telah menganjurkan Program LESTARI (Life Skills Training) yang diadakan pada 17 Jun lepas.

Program yang diadakan di Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas itu dikendalikan dengan kerjasama Majlis AIDS Brunei Darussalam (BDAC) dan berakhir dengan majlis penutup.

Hadir selaku tetamu kehormat menutup rasmi program ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta yang mengikuti Program LESTARI.

Selain sebagai salah satu sumbangan kepada belia-belai di negara ini di

bawah Program Pembangunan Belia Yayasan, program tersebut diharap dapat membina jati diri dan kemahiran, di samping memupuk semangat kesukarelawanan.

Program merupakan kombinasi pelbagai latihan yang diperolehi dari dalam dan luar negeri dan diadaptasi mengikut persekitaran dan suasana Brunei Darussalam.

Metodologi atau kaedah yang digunakan dalam program ini adalah menerusi muzik, cerita, audio dan visual, interaktiviti dan permainan yang menggabungkan aktiviti luar dan dalam yang mencabar fizikal, mental dan keupayaan peserta. Ianya secara keseluruhannya menekankan dan meningkatkan kemahiran serta nilai-nilai hidup para peserta.

Tahun ini, seramai 45 orang belia berumur antara 14 hingga 20 tahun mengikuti program yang diadakan selama empat hari.

Antara objektif program ialah untuk mendidik peserta dengan kemahiran hidup dalam persekitaran yang



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta yang mengikuti Program LESTARI.

interaktif dan mesra belia, mempersiapkan belia untuk mengambil

tanggungjawab untuk diri sendiri, keluarga, teman sebaya dan masyarakat, di samping membolehkan para peserta untuk menilai diri dan menunjukkan potensi masing-masing.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al Faatihah dan seterusnya ucapan alu-aluan dari Yang Di-Pertua BDAC, Awang Iswandy Ahmad diikuti dengan ucapan oleh tetamu kehormat dan seterusnya tayangan video yang mengimbas kembali aktiviti-aktiviti yang dijalankan bermula hari pertama sehingga hari terakhir.

Juga berucap tiga orang wakil peserta LESTARI yang masing-masing menceritakan pengalaman yang mereka lalui sepanjang program tersebut.

Di majlis ini tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada para peserta yang mengikuti program.

Turut hadir, Pengarah Urusan Yayasan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail, Penolong Pengarah Urusan Yayasan, pegawai-pegawai Yayasan, ahli-ahli jawatankuasa LESTARI dan para ibu bapa peserta.

Program Eksekutif Pintar dilancarkan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib menyaksikan salah satu aktiviti perniagaan bank ini.



TETAMU kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof semasa melancarkan Program Eksekutif Pintar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Jun. - Program Eksekutif Pintar (Smart Executive Programme) merupakan satu lagi Program Penghargaan dan Kesetiaan Pelanggan (Customer Loyalty and Reward Programme) terbaru yang diperkenalkan oleh Bank Baiduri.

Majlis pelancaran program tersebut berlangsung di Times Cineplex, Kompleks Beli-Belah Times Square dan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri

Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof.

Program unik Bank Baiduri ini direka khusus bagi para pelanggan yang berkerjaya dan sentiasa sibuk dengan tugas. Dengan penyelesaian perbankan melalui *internet* dan telefon pintar kepada pegawai perhubungan eksekutif yang berdedikasi untuk setiap ahli, para ahli juga akan menerima Kad Debit 'MasterCard Premium' termasuk kadar kompetitif bagi kemudahan, pelaburan dan produk-produk lainnya.

Selain itu, para ahli juga boleh

Oleh : Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman

menerima ganjaran menarik apabila berbelanja menggunakan kad Baiduri mereka termasuk pelbagai produk perbankan yang lain.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank berkenaan, Pierre Imhof dalam ucapan alu-aluannya di majlis tersebut turut menjelaskan mengenai rakyat tempatan masa kini yang berpendidikan tinggi, gemar melancong dan mempunyai pelbagai keinginan.

Kebanyakan anak-anak muda dan graduan memiliki aspirasi tinggi dalam kehidupan mereka dan untuk itu, bank ini jelas Pierre Imhof sentiasa mencari jalan untuk memenuhi harapan mereka dan untuk menyejajarkan dengan trend pasaran yang sentiasa berubah-ubah.

Bank berkenaan jelasnya berhasrat untuk melibatkan lebih banyak kumpulan muda, serta membantu mereka mencapai matlamat kewangan dan atas sebab itulah bank tersebut memfokuskan kepada segmen eksekutif dan melibatkan mereka pada awal karier.

Pada masa yang sama, Pierre Imhof turut memperkenalkan dua aplikasi bagi telefon pintar daripada bank tersebut iaitu, aplikasi perbankan mudah alih Baiduri, yang boleh didapati dalam versi iOS dan Android yang memberikan keselesaan urusan perbankan *internet* seharian kepada para pelanggan melalui telefon pintar mereka.

Yang kedua tambahannya ialah aplikasi pemasaran yang dipanggil 'Baiduri Deals' yang kini boleh dimuat turun ke dalam telefon pintar. Ia merupakan aplikasi pemasaran pertama di negara ini yang menggantikan e-Kupon dan boleh ditebus dengan hadiah-hadiah, diskaun dan pelbagai kelebihan daripada kedai-kedai yang mengambil bahagian dengan berkenaan di negara ini.

Acara diselenggarakan dengan Majlis Perasmian Pusat Smart Executive Baiduri yang terletak di Tingkat 1, Bangunan Times Square oleh tetamu kehormat dan seterusnya meninjau lebih dekat kemudahan yang disediakan di pusat itu.

BIBD akan melancarkan 'Pengalaman Perbankan Baru'



KETUA Institusi Perbankan Awang Haji Minorhadi bin Mirhassan dan Timbalan Ketua Perbankan Pelanggan, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Jaafar semasa memberi kenyataan pada Sidang Media tersebut.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Jun. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) ingin memaklumkan kepada pelanggan-pelanggan setianya bahawa BIBD akan mengadakan Majlis Pelancaran 'Pengalaman Perbankan Baru' di Cawangan Kiulap, Kompleks Bangunan Setia Kenangan pada pagi hari Rabu, 26 Jun 2013.


Oleh yang demikian, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengunjung cawangan-cawangan BIBD yang lain bagi melakukan keperluan perbankan mereka dalam tempoh masa yang dinyatakan.

Kenyataan tersebut dijelaskan oleh Ketua Institusi Perbankan, Awang Haji Minorhadi bin Mirhassan dan Timbalan Ketua Perbankan

Pelanggan, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Jaafar pada Sidang Media yang diadakan di BIBD Cawangan Kiulap, di sini.

Bagi kemudahan pelanggan setia BIBD, terutamanya untuk kakitangan kerajaan yang menerima gaji serta pencairan mereka dengan BIBD dan pada masa yang sama, dan berkeinginan untuk melakukan aktiviti perbankan mereka, BIBD dengan itu telah memutuskan untuk mengagihkan gaji masing-masing lebih awal daripada jadual biasa iaitu pada hari Isnin, 24 Jun 2013.

Sehubungan dengan itu, pihak BIBD ingin memohon maaf bagi sebarang kesulitan yang timbul dan tidak lupa mengucapkan terima kasih atas sokongan para pelanggan yang setia di bawah naungan pihak BIBD.



(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

KETIKA mengerjakan ibadat puasa, banyak perkara yang perlu dijaga bagi memastikan ibadat puasa kita menepati tuntutan syara' dan mengelakkannya daripada terkurang pahala ataupun terbatal.

Hakikat yang perlu kita fahami ialah ibadat puasa bukan sekadar mengawal kehendak perut dan syahwat semata-mata. Bahkan Allah Ta'aala serta Rasul-Nya juga memerintahkan kita supaya menjaga anggota-anggota kita yang lain daripada melakukan sesuatu yang mazmumah (tercela) dan sia-sia. Inilah sebenarnya puasa yang sempurna dan yang dituntut daripada seorang muslim.

Menjaga Daripada Perkara Yang Mazmumah Dan Sia-Sia

Puasa merupakan perisai seorang muslim daripada azab api neraka serta benteng yang menghalang tuannya daripada melakukan perkara keji dan mungkar dengan menutup pintu-pintu syahwat yang merupakan jalan masuk syaitan menggoda manusia, sekaligus mendidiknya menjadi seorang muslim yang sejati dan sempurna.

Bagi menghayati roh serta hikmah ibadat puasa, seorang muslim itu selain dituntut supaya menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa seperti makan, minum, bersetubuh dan sebagainya, dia juga dituntut supaya menahan diri daripada melakukan perkara mazmumah kerana perkara mazmumah ini akan merosakkan dan mengurangkan pahala ibadat puasa serta menghilangkan hikmah pensyariatannya.

Begitu juga sunat hukumnya orang yang berpuasa menahan diri daripada segala bentuk tuntutan syahwat atau keinginan yang tidak sesuai dan tidak selari dengan roh dan hikmah ibadat puasa sungguhpun perbuatan itu pada asalnya diharuskan pada waktu-waktu yang lain seperti berlaizat-lazat dengan menghidu dan menikmati harum-haruman serta lain-lain

Takutlah jangan sampai puasa sekadar lapar dan dahaga

perbuatan yang mendatangkan keasyikan pada anggota tubuh badan atau yang mendatangkan keasyikan pada deria-deria sentuhan, penglihatan, pendengaran dan hiduan. Perbuatan seumpama itu, sungguhpun ia diharuskan pada waktu-waktu yang lain, akan tetapi ia makruh dilakukan ketika berpuasa kerana ianya tidak sesuai dan tidak selari dengan hikmah pensyariatan ibadat puasa. Ini kerana antara rahsia dan maksud utama pensyariatan ibadat puasa ialah supaya orang yang berpuasa itu mempertingkatkan ketaqwaan serta melatih diri untuk tidak tewas dengan kemahuan hawa nafsu dan naluri berlaizat-lazat yang melelekan. Dengan mengetepikan segala tuntutan-tuntutan yang melaikan seumpama ini, dia boleh menumpukan waktu serta perhatiannya untuk mengerjakan amal ibadah sebanyak dan sesempurna mungkin.

Bagaimana Menjaga Anggota-Anggota Tubuh Badan Ketika Berpuasa?

Bagi meraih kesempurnaan ibadat puasa, Imam al-Ghazali *Rahimahullah* telah memberikan beberapa garis pandu etika mengawal anggota tubuh badan daripada melakukan perkara-perkara yang tertegah ketika berpuasa seperti berikut :

1. Mengawal pandangan mata daripada melihat perkara-perkara yang keji, mungkar dan dibenci oleh syara'. Begitu juga memeliharanya daripada memandang sesuatu yang sia-sia, seperti rancangan-rancangan hiburan yang melaikan dan penuh dengan unsur-unsur maksiat yang akan menggelapkan dan memalihkan hati daripada mengingat Allah *Subhanahu Wata'aala*.

2. Memelihara lidah daripada mengeluarkan kata-kata keji dan kotor seperti berdusta, mengumpat, mengadu domba, menghina dan merendah-rendahkan orang lain, bertengkar, berbalah-balah dan sebagainya. Bahkan adalah lebih baik seseorang yang berpuasa itu turut juga lidahnya berpuasa jika tidak ada sesuatu yang baik untuk diucapkannya; iaitu dengan diam atau memperbanyakkan berzikir dan membaca Al-Qur'an dan yang seumpamanya.

Abu Hurairah *Radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

Maksudnya : "Puasa itu adalah perisai. Maka janganlah dia (orang yang berpuasa itu) mengeluarkan kata-kata keji dan janganlah dia berbuat perlakuan (orang-orang) jahil. Dan sekiranya seseorang mengajaknya bertengkar atau memaki hamun dan mencelanya, maka hendaklah dia mengatakan: "Sesungguhnya aku sedang berpuasa", (Katakanlah) sebanyak dua kali..."

(Hadits riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Menurut ulama, puasa itu adalah perisai

kerana ia bertindak sebagai penangkis atau benteng yang akan menyelamatkan tuannya daripada api neraka, menghalangnya daripada berbuat dosa dan menahannya daripada tunduk terhadap tuntutan syahwat dan hawa nafsu. Sementara maksud perlakuan orang-orang jahil dalam hadits di atas pula ialah melakukan perkara bodoh, tidak elok dan tertegah.

Hadits ini bukanlah bermaksud bahawa perkara-perkara tersebut hanya ditegah ketika berpuasa sahaja. Bahkan perkara-perkara tersebut juga haram dan dilarang pada waktu-waktu yang lain, akan tetapi tegahan daripada melakukannya ketika mengerjakan ibadah puasa adalah lebih diberatkan lagi manakala meninggalkannya pula adalah lebih dianjurkan kerana ia adalah salah satu daripada adab-adab puasa.

Ini menunjukkan bahawa celan melakukan perkara mazmumah ketika mengerjakan ibadat puasa adalah lebih besar, di samping ia turut mengakibatkan kurang ataupun hilangnya pahala puasa. Mereka yang meninggalkannya pula, selain mendapat pahala kerana menunaikan tuntutan wajib meninggalkan perkara mazmumah itu secara mutlak, dia juga akan turut mendapat pahala sunat kerana menjaga adab puasa.

3. Menahan telinga daripada mendengar sesuatu yang dibenci dan ditegah oleh syara' seperti mendengar umpatan, kata-kata dusta, lucah, bentuk-bentuk nyanyian yang diharamkan dan melaikan atau yang seumpamanya.

4. Menahan anggota-anggota yang lain daripada membuat dosa, seperti mengawal tangan dan kaki daripada melakukan perkara yang ditegah, menahan perut daripada memakan makanan dan minuman syubhah apatah lagi yang haram ketika berbuka, sahur dan lainnya.

5. Tidak memperbanyakkan makan sehingga terlalu kenyang ketika berbuka. Ini kerana memperbanyakkan makan ketika berbuka dengan pelbagai hidangan atau juadah setelah sepanjang berpuasa berjuang dan kemudiannya berjaya menakluki dan menewaskan hawa nafsu, akan menghilangkan roh ibadat puasa dan menyebabkan dia gagal mengambil pengajaran dan hikmah daripada pelaksanaan ibadat puasa tersebut. Ini juga menyukarkannya daripada memperbanyakkan amal ibadat di malam hari akibat perasaan malas dan rasa mengantuk kerana terlalu kenyang.

Imam al-Ghazali *Rahimahullah* seterusnya menambah bahawa selepas berbuka, hendaklah hatinya gementar dengan perasaan penuh gerun bimbang seandainya puasanya tidak diterima atau hanya sekadar beroleh lapar dan dahaga. Begitu juga dia sepatutnya dengan penuh rasa kehambaan hendaklah sentiasa berharap agar puasanya itu diterima, di samping mendapat segala ganjaran, hikmah dan rahsianya.

Perasaan seumpama ini tidak seharusnya ada khusus ketika mengerjakan puasa Ramadan sahaja, bahkan hendaklah ia wujud setiap kali selesai mengerjakan semua amal ibadat.

Adakah Melakukan Perbuatan Mazmumah Membatalkan Puasa?

Kegagalan untuk mengawal diri daripada melakukan perkara maksiat dan mazmumah yang haram ketika mengerjakan puasa, seperti berdusta, mengumpat, memandang yang haram dan sebagainya, sungguhpun hukumnya haram, akan tetapi ia tidaklah membatalkan puasa. Bagaimanapun, dia mendapat kerugian yang sangat besar kerana pahala puasanya menjadi kurang atau langsung tidak diberikan ganjaran apa-apa. Inilah yang dinamakan puasa orang yang tidak beroleh apa-apa selain daripada rasa lapar dan dahaga semata-mata. Abu Hurairah *Radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Maksudnya : "Berapa banyak seorang yang berpuasa itu tidak mendapat apa-apa bahagian daripada puasanya selain daripada lapar".

(Hadits riwayat Imam Ibnu Majah)


Sesungguhnya Allah Ta'aala memberi amaran bahawa Dia tidak berkehendak atas seseorang itu untuk meninggalkan makan-minumnya dan tidak akan memberikan ganjaran atas puasanya sekiranya dia tidak meninggalkan perbuatan keji dan mungkar. Jadi untuk mencapai matlamat memperolehi kesempurnaan ibadat puasa serta menikmati hikmah dan rahsianya, segala perkara mazmumah mestilah dihindari.

Menurut Imam as-Subki *Rahimahullah*, sekiranya orang itu melakukan perkara mazmumah yang haram ketika berpuasa seperti mengumpat, lalu dia bertaubat selepas itu, taubatnya itu hanya dapat mengangkat dosa umpatan yang dilakukannya. Bagaimanapun, pahala puasa yang hilang atau terkurang kerananya tidak akan dapat diperolehi kembali.

Sesungguhnya tidak dinafikan bahawa untuk melaksanakan tuntutan mengawal diri daripada melakukan perkara mazmumah mahupun sia-sia semasa mengerjakan ibadat puasa itu memerlukan usaha, kesungguhan dan nilai kesabaran yang tinggi apatah lagi jika sekiranya perkara tersebut sudah menjadi kebiasaan baginya sebelum ini. Akan tetapi dengan berkat kesabaran, keikhlasan serta kesungguhan dalam melakukan ibadat puasa, dengan izin Allah *Subhanahu Wata'ala* dia akan berjaya dan mampu melaksanakan tuntutan tersebut semata-mata kerana inginkan ganjaran yang lebih dan berlipat ganda serta mengharap keredhaan Allah semata-mata.

WALLAHU'ALAM

Muhasabah diri selagi usia masih ada



MUHASABAH adalah perilaku bagi menghitung dan memperelakkan diri yang terbentuk di dalam jiwa seseorang manusia itu menurut kaca mata agama Islam. Ia juga boleh dimaksudkan sebagai mendidik diri agar sentiasa mencela segala kejahatan yang pernah dilakukan yang boleh menjadi penghalang untuk mendapat keredhaan dari Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang

diriwayatkan oleh al-Imam at-Tirmidzi yang bermaksud :

"Orang yang pintar ialah orang yang menghitung dirinya serta beramal untuk hari selepas kematian, sementara orang yang lemah ialah orang yang mengikut hawa nafsunya serta berangan-angan terhadap Allah dengan angan-angan (yang banyak)."

Sesiapa bermuhasabah dirinya maka dia tidak akan meninggalkan ruang dan masa untuk dirinya melakukan perkara-perkara yang batil. Menyibukkan diri dengan ketaatan akan menghapuskan masa untuk membuat kejahatan. Dia akan mencela jiwanya di atas setiap kesalahan dan kekurangan yang dilakukannya terhadap Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana takutnya akan kekuasaanNya. Jika inilah keadaannya maka mana mungkin boleh didapati jalan dan ruang untuk membuat kesalahan dan kebatilan.

Berkata as-Sayyid Ahmad ar-Rifaie dalam

kitabnya al-Burhan al-Muayyad : "Daripada takut akan timbulnya muhasabah. Daripada muhasabah timbulnya muraqabah. Daripada muraqabah hati akan sentiasa sibuk bersama Allah Ta'ala."

Secara tegasnya muhasabah pasti akan menghasilkan perasaan bertanggungjawab terhadap Allah Ta'ala dan rasulNya serta makhluk-makhlukNya. Melalui muhasabah juga manusia merasa diri mereka tidak diciptakan oleh Allah dengan sia-sia. Setiap manusia pasti akan kembali semula kepada Allah apabila telah sampai waktunya.

Di dalam kesibukan kita mengejar kekayaan dunia ini maka janganlah lupa untuk kita menyibukkan diri mengingat Allah. Perkara seperti inilah yang selalu dituntut oleh agama Islam. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah az-Zaariyat ayat 50 tafsirnya :

"(Katakanlah wahai Muhammad kepada mereka): Maka segeralah kembali kepada Allah

(dengan bertaubat dan taat), sesungguhnya aku diutuskan Allah kepada kamu, sebagai pemberi amaran yang nyata."

Adapun golongan sufi sentiasa menyibukkan diri dengan penghambaan dan pengabdian diri kepada Allah. Mereka beriman di dalam perjalanan musafir ini menuju Allah dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas. Hati mereka sentiasa mengingat bahawa mereka akan kembali kepada Allah pada setiap masa.

Berkata Sayidina Umar al-Khattab *Radhiyallahu 'anhu* : "Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisab. Timbanglah amalan kamu sebelum kamu ditimbang."

Demikianlah pentingnya muhasabah di dalam diri setiap individu. Tanpa muhasabah yang ikhlas maka seseorang itu akan sentiasa berasa diri tidak pernah melakukan kesalahan. Bermuhasabah dirilah dengan hati yang terbuka agar kita boleh memperbaiki kebatilan dan kelemahan diri sebelum diri kita menemui ajal.

APL EP tumpukan perkembangan pendidikan masa depan

TUNGKU LINK, Isnin, 24 Jun. - Program Pemimpin Pendidikan Asia Pasifik (Asia Pacific Leaders Education Programme- APL EP) menumpukan kepada pendidikan pemimpin masa depan di rantau ini, kerana pemimpin-pemimpin masa depan akan mencipta nama di universiti-universiti masing-masing walaupun ketika mereka masih belajar.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata Program APL adalah model yang sangat baik yang diharapkan dapat membuahkan hasil di tahun hadapan.

Semasa berucap merasmikan Program APL EP 2013 di The Core, Universiti Brunei Darussalam, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan program tersebut adalah bertepatan dengan jawatan Pengerusi ASEAN

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

yang dipegang oleh Negara Brunei Darussalam tahun ini.

Sementara itu dalam konteks Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat, nilai-nilai Melayu Islam Beraja akan memberikan pelajar asas yang kukuh untuk berjaya dalam kehidupan dan untuk menyumbang kepada negara ini.

Berbalik kepada Program APL ini, Yang Berhormat berkata ianya merupakan program yang melibatkan 23 universiti dari 16 buah negara.

Kementerian Pendidikan, jelasnya, berpuas hati kerana dapat mengambil peranan program kepimpinan yang akan membangunkan pemimpin masa depan.

Dengan diwakili oleh beberapa perwakilan dari negara-negara besar di

rantau ini, Program APL, jelas Yang Berhormat juga akan membantu membina hubungan merentas sempadan antara negara-negara dan universiti di rantau ini dan menggalakkan hubungan diplomasi antara rantau.

Hubungan tersebut, jelas Yang Berhormat, akan memperkukuh bukan sahaja hubungan rasmi antara institusi, tetapi juga hubungan sesama manusia di kalangan pemimpin-pemimpin masa depan negara kita.

“Pautan ini juga akan memastikan bahawa peserta akan menghargai kepelbagaian sosial dan budaya di kalangan kita.

“Ini menunjukkan betapa pentingnya golongan muda memahami budaya lain di dunia yang semakin

berkait rapat di era globalisasi abad ke-21 ini,” ujar Yang Berhormat.

Golongan muda masa kini, tambah Yang Berhormat, semakin terdedah kepada peningkatan kehidupan tanpa sempadan di mana komunikasi berlaku dalam jarak yang jauh dan kerjasama bukan sahaja di kalangan rakan negara-negara jiran, tetapi juga di negara-negara dan benua lain.

Memandangkan pemimpin muda hari esok bakal berada di barisan depan dalam trend ini, Yang Berhormat menambah adalah penting bagi mereka belajar dari peringkat awal sebagai rangkaian dengan rakan-rakan mereka di negara-negara lain.

Yang Berhormat percaya kerjasama sedemikian akan menjadi sebahagian daripada pendidikan yang semakin berubah-ubah sebagai abad kemajuan pendidikan yang akan beralih dari hanya berasaskan bilik darjah kepada pendidikan yang lebih berpengalaman dan komunikatif.



MENTERI Pendidikan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyampaikan ucapan seterusnya merasmikan Asia Pacific Leaders Education Program .

Brunei-Republik Korea tingkatkan kerjasama pendidikan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



MAJLIS Perasmian Asia Pacific Leaders Education Program turut diselenggarakan dengan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Faculty of Business of Economics UBD diwakili oleh Dr Joyce Teo Siew Yean dan Korea University Business School diwakili oleh Professor Doo-Hee Lee .

TUNGKU LINK, Isnin, 24 Jun. - Program Pemimpin Pendidikan Asia Pasifik (Asia Pacific Leaders Education Programme - APL EP) merupakan program bertaraf antarabangsa bagi pemimpin masa depan di rantau Asia Pasifik yang membawa pelajar-pelajar cemerlang mengambil peranan kepimpinan dalam negara masing-masing.

Justeru itu, Majlis Pembukaan APL EP 2013 dilancarkan pagi tadi oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku tetamu kehormat berlangsung di The Core, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail; diplomat-diplomat asing ke negara ini; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan yang juga selaku Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan Pengasas dan Pengerusi Pemimpin

Asia Pasifik dan Dekan Universiti Sekolah Perniagaan Republik Korea (Korea University Business School-KUBS).

Peserta Program APL kali keempat ini dihadiri oleh pelajar tempatan dan luar negara iaitu Republik Korea, India, Bangladesh, Thailand, Republik Indonesia, Greece dan Hong Kong.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pendidikan Lanjutan, Dr. Salbina binti Haji Sharbawi yang juga selaku Pengerusi majlis tersebut dalam kata alu-aluannya antaranya menjelaskan program yang lalu dihoskan oleh universiti di Republik Korea.

Pada majlis itu, Menteri Pendidikan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para penaja program yang telah memberikan sumbangan mereka.

Majlis juga diselenggarakan dengan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Fakulti Perniagaan Ekonomi UBD dengan KUBS.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam ialah Dekan Fakulti Perniagaan Ekonomi UBD, Dr. Joyce Teo Siew Yean dan disaksikan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, sementara pihak KUBS ditandatangani oleh Profesor Doo-Hee Lee dan disaksikan oleh Duta Besar dan Istimewa Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Choi Byung Koo.



PENGERUSI Bersama Asia Pacific Leaders Education Program, Dr Salbina binti Haji Sharbawi menyampaikan ucapan alu-aluan.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan bergambar ramai bersama peserta-peserta Asia Pacific Leaders Education Program 2013 yang akan mengikuti program tersebut selama empat minggu di Universiti Brunei Darussalam

Kibar bendera negara bukti rasa kesyukuran, kecintaan



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab menyampaikan Bendera Negara kepada penduduk kampung.



PENOLONG Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof menyampaikan ceramah khas bertajuk 'Bendera Negara'.

Dari muka 1

Justeru itu tambahnya, kita lebih melihat kepada kekuatan pendidikan di semua peringkat, kepimpinan belia, kepimpinan akar umbi di semua daerah, kewibawaan warga Perkhidmatan Awam dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk mengasuh dan menebalkan kecintaan terhadap negara atau kesetiaan negara dalam kehidupan seharian.

Katanya, kempen yang dilancarkan adalah satu pendekatan berkala yang setentunya boleh membantu keadaan.

"Setentunya sasaran kita sebenar ialah untuk mensabitkan rasa tanggungjawab dan kecintaan terhadap

negara di dalam hati sanubari setiap diri kita yang sentiasa hidup dan tidak memerlukan kempen untuk menghidupkannya. Jauh sekali untuk menjadikan orang-orang Brunei kita terbiasa dengan amalan 'jika tidak dikempen tidak akan bergerak,' ujarnya.

Jelasnya, negara telah memberikan kehidupan yang bermutu tinggi kepada kita semua di dalam bidang-bidang pelajaran, perumahan, perubatan, jalan raya, keselamatan makanan, air, elektrik, keselamatan, keamanan dan masa hadapan anak-anak kita.

"Bilakah masanya kitani untuk menyatakan dan menampakkan kesyukuran dan terima kasih kitani kepada raja dan negara serta memberi balik khidmat bakti kitani kepada negara, kalau bukan kitani siapa lagi, di mana kita berpijak di situ langit dijunjung.

Tambahnya, kita orang-orang Brunei yang berpegang teguh kepada konsep Melayu Islam Beraja (MIB) adalah orang-orang berawar galat hormat kepada orang tua, taat kepada raja dan Negara.

Di dalam mengejar kemajuan menurutnya, kehuju dunia mana pun orang-orang Brunei mestilah walih untuk mengambil kemajuan dan meninggalkan nilai-nilai yang bakal menjadi anasir buruk untuk melunturkan nilai kebruneian dan jati diri kita sebagai orang-orang Brunei.

"Hatta di dalam negeri pun kita perlu berwaspada dan menentang pengaruh dan percubaan jahat yang tidak ketara apatah lagi yang terang-terangan untuk memesongkan nilai-nilai kebruneian kita," jelas Dato Paduka.

Sementara itu dalam ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad antara lain menjelaskan kempen itu adalah sebagai platform bagi memberikan penjelasan kepada masyarakat tentang fungsi, peranan dan kepentingan bendera negara.

Katanya, dengan pengagihan bendera negara secara percuma itu jabatan berharap semoga kempen akan mencapai hasratnya dalam membakar semangat patriotik rakyat dan penduduk terhadap Negara Brunei yang menjadi lambang dan simbol kemegahan bangsa dan negara.

Tambahnya, kempen juga dapat mengubah sikap dengan sentiasa bersedia dengan penuh semangat berkobar-kobar mengibarkan bendera negara sebagai tanda cinta dan kasih terhadap raja, bangsa dan agama.

Jelasnya, kempen juga berupa program jabatan dalam usaha menanamkan dan meningkatkan kesedaran rakyat dan penduduk negara ini mengenai peranan dan tanggungjawab mereka untuk mengibarkan bendera negara ketika hari kebesaran negara.

Manakala itu dalam ceramah khas oleh Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat

Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof yang bertajuk 'Bendera Negara' antara lain mengatakan orang Brunei lagi dahulu mempunyai semangat yang kental dan berkobar untuk mengibarkan bendera negara bila saja mendengarkan akan ada perayaan diraja.

Katanya, mereka sanggup mengambal buluh atau batang kayu yang lurus di hutan untuk dijadikan tiang bendera malah di Kampung Air ketika itu hampir semua rumah mengibarkan bendera tanda semangat cintakan raja dan negara.

Tetapi hari ini semangat demikian sudah berkurangan walaupun zaman sudah moden ini mungkin kerana jiwa seseorang tidak seperti jiwa-jiwa orang lagi dahulu, mereka hari kurang mempunyai jiwa atau semangat cintakan raja dan negara.

Tambahnya, pada musim perpuspaan, bendera pernah dikibarkan selama enam bulan di negara ini dan hampir semua rakyat dan penduduk kita itu bersemangat mengibarkan bendera walaupun hanya menggunakan batang kayu yang lurus asalkan bendera dapat berkibar.

Di majlis itu lebih 200 bendera negara diagih-agihkan kepada penduduk kampung dan sekitarnya



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned berucap di Majlis Pelancaran Kempen Mengibar Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67.

oleh tetamu kehormat.

Terdahulu majlis juga menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan juga diserikan dengan persembahan puisi dan syair oleh penduduk kampung serta nyanyian koir oleh pelajar-pelajar SMSAB.



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab menyaksikan pameran.



Jumlah: 12 unit

Lot B:

2. Mesin fax Panasonic UF-S2 - 1 unit
3. Calculator Canon canola P1421D - 1 Unit
4. Typewriter Olympia Compaq 5DM - 1 unit

Jumlah: 3 unit

Tempat: Radio Stesen Isyarat Muara



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG KENDERAAN BERMOTOR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL : KHEU/ADM/LTK/03/2013

**PEMBELIAN KENDERAAN BAGI
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
DAN JABATAN-JABATAN DI
BAWAHNYA - DUA (2) BUAH VAN 12
PENUMPANG**

**YURAN DOKUMEN : BND10
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

Tarikh dan jam tutup mengambil dokumen tawaran : **2 Julai 2013 (2.30 petang)**

Tarikh Tutup: **9 Julai 2013 (2.00 petang)**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG

KENDERAAN BERMOTOR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL : KHEU/ADM/LTK/02/2013

**PEMBELIAN KENDERAAN BAGI
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
DAN JABATAN-JABATAN DI
BAWAHNYA - SATU (1) BUAH BAS 22
PENUMPANG**

**YURAN DOKUMEN : BND10
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

Tarikh dan jam tutup mengambil dokumen tawaran : **2 Julai 2013 (2.30 petang)**

Tarikh Tutup: **9 Julai 2013 (2.00 petang)**

Syarat-Syarat Tawaran :-

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Lembaga Tawaran**

Kecil, Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen tawaran) **tidak lewat dari jam 2.00 petang** pada tiap-tiap hari **Selasa** seperti tarikh yang telah ditetapkan.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Kontrak.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah didapati dan diperolehi dari Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar

Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam. Jumlah yuran adalah seperti berikut.

5. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada berjaya atau yang tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**BILANGAN TAWARAN :
25/JUNE/2013/KKBS/PJK/16.105**

**TAJUK TAWARAN :
KONTRAK PENGGAL 18 BULAN
BAGI KHIDMAT MENJAHIT PAKAIAN
SERAGAM BAGI PROGRAM
KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN)**

**BILANGAN TAWARAN :
26/JUNE/2013/KKBS/PJK/16.105**
**TAJUK TAWARAN :
KONTRAK PENGGAL 18 BULAN BAGI
PEMBEKALAN KASUT, BERET, TALI
PINGGANG DAN STOKIN BAGI
PROGRAM KHIDMAT BAKTI
NEGARA (PKBN)**

**BILANGAN TAWARAN :
27/JUNE/2013/KKBS/PJK/16.105**
**TAJUK TAWARAN :
KONTRAK PENGGAL 18 BULAN
BAGI PEMBEKALAN BAJU T, SELUAR
PANJANG SUKAN, TRACKSUIT DAN
TOPI BAGI PROGRAM KHIDMAT
BAKTI NEGARA (PKBN)**

**BILANGAN TAWARAN :
28/JUNE/2013/KKBS/PJK/16.105**

TAJUK TAWARAN :

**KONTRAK PENGGAL 18 BULAN
BAGI PEMBEKALAN KASUT SUKAN
DAN STOKIN BAGI PROGRAM
KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN)**

**BILANGAN TAWARAN :
30/JUNE/2013/KKBS/PJK/16.105**
**TAJUK TAWARAN :
KONTRAK PENG0GAL 18 BULAN
BAGI PEMBEKALAN KAIN-KAIN
CELORENG
(CAMOUFLAGE) BAGI PROGRAM
KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN)**

1. TAWARAN dibukakan kepada Syarikat-Syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kaki-tangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

3. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari / waktu bekerja.

4. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada

Pegawai Penyelia Kerja dari Unit Pengurusan Estet, Tingkat Bawah Tanah (Basement Level), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran Tawaran adalah **\$30.00** sahaja bagi setiap tawaran dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (bona-fide tender).

6. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.**

7. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran** yang disediakan di :

**Tingkat 1, Ruang Masuk
/ Penyambut Tetamu
(Depan Kaunter Sekuriti)**

**Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Simpang 336-17,
Jalan Kebangsaan, BS8110
Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat 16 Julai 2013, jam

2.00 petang, hari Selasa.

8. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

9. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari **Sabtu, 13 Julai 2013, jam 11.00 pagi.**

10. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

11. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat / pemborong dikehendaki membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 dan 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

12. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 11) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 5).

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

14. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).



KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai hari **Rabu, 12 Jun 2013**. Sila layari website Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB 3910
Negara Brunei Darussalam**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua(2) salinan termasuk salinan asal. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 petang, hari Selasa pada 9 Julai 2013**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah

Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran

**ISNIN - KHAMIS
8.00 PAGI - 11.00 PAGI
2.00 PETANG - 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI - 10.00 PAGI**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

- Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sah laku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act' (Cap. 114).
- Manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah daripada Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang

diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

BIL TAWARAN : KK/199/2013(ESTET)

KETERANGAN : RENOVATION WORKS FOR SENGKURONG HEALTH CENTRE (CEILING, PARTITION AND FLOORING WORKS)

**Kelayakan Pemborong/Pembekal :-
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan
Kelas : III dan Ke Bawah Kategori: B01
YURAN TAWARAN : \$30.00
TARIKH TUTUP : Tidak lewat jam 2.00 petang, 9 Julai 2013**

BIL TAWARAN : KK/200/2013(ESTET)

KETERANGAN : PENGUBAHSUAIAN DAN MEMBAIKPULIH BANGUNAN PERUMAHAN, KEMENTERIAN KESIHATAN

**Kelayakan Pemborong/Pembekal :-
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan
Kelas : III dan Ke Bawah Kategori: KA01, B01 dan E02
YURAN TAWARAN:\$30.00
TARIKH TUTUP :
Tidak lewat jam 2.00 petang, 9 Julai 2013**

BIL TAWARAN : KK/201/2013(ESTET)

KETERANGAN : REPLACEMENT OF PUMP AIR HANDLING UNIT (AHU) AND FAN COIL UNIT(FCU) AT RIMBA DIALYSIS CENTRE, GADONG, MINISTRY OF HEALTH

**Kelayakan Pemborong/Pembekal :-
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan
Kelas : Kategori: M01, E01 dan B01**

YURAN TAWARAN : \$50.00

TARIKH TUTUP :

Tidak lewat jam 2.00 petang, 9 Julai 2013

BIL TAWARAN : KK/202/2013(ESTET)

KETERANGAN : PROPOSED REPLACEMENT OF SUPPLY, RETURN AIR DUCT, GRILLS, DIFFUSERS AT SENGKURONG HEALTH CENTRE (AIR CONDITION WORKS)

**Kelayakan Pemborong/Pembekal :-
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan
Kelas : II & III Kategori : M01
YURAN TAWARAN : \$50.00
TARIKH TUTUP :
Tidak lewat jam 2.00 petang, 9 Julai 2013**

BIL TAWARAN : KK/203/2013(SMS)(TC)

KETERANGAN : SUPPLY AND DELIVERY OF CONSUMABLES FOR THE STATE MEDICAL STORE FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN : \$100.00

TARIKH TUTUP :

Tidak lewat jam 2.00 petang, 9 Julai 2013

BIL TAWARAN : KK/204/2013(SMS)(TC)

KETERANGAN : SUPPLY AND DELIVERY OF CONSUMABLES FOR THE STATE MEDICAL STORE FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN : \$100.00

TARIKH TUTUP :

Tidak lewat jam 2.00 petang, 9 Julai 2013

WEBSITE

**KEMENTERIAN KESIHATAN PADA
12 JUN 2013**

JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKANTAWARAN MEMBEKAL,
MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGUJI

**BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/51/2013/2014
(DS(M)-JUN-2013)**

KETERANGAN : TAWARAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI ALATAN SAINS UNTUK PUSAT TINGKATAN ENAM SENGKURONG, BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. (KATEGORI A : CHEMICALS) BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TAWARAN : \$15.00

(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU,
9 Julai 2013
(Tidak lewat jam 2.00 petang)**

**BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/52/2013/2014
(DS(M)-JUN-2013)**

KETERANGAN : TAWARAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI ALATAN SAINS UNTUK PUSAT TINGKATAN ENAM SENGKURONG, BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. (KATEGORI B : GLASSWARE / PLASTICWARE) BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TAWARAN: \$15.00

(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU,
9 Julai 2013
(Tidak lewat jam 2.00 petang)**

**BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/53/2013/2014
(DS(M)-JUN-2013)**

KETERANGAN : TAWARAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI ALATAN SAINS UNTUK PUSAT TINGKATAN ENAM SENGKURONG, BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. (KATEGORI D : DISPOSABLES) BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TAWARAN: \$15.00

(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU,
9 Julai 2013
(Tidak lewat jam 2.00 petang)**

**BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/54/2013/2014
(DS(M)-JUN-2013)**

KETERANGAN : TAWARAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI ALATAN SAINS UNTUK PUSAT TINGKATAN ENAM SENGKURONG, BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. (KATEGORI C : INSTRUMENTS) BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TAWARA: \$35.00

(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU,
9 Julai 2013
(Tidak lewat jam 2.00 petang)**

**BILANGAN TAWARAN:
MOE/LTK/55/2013/2014
(DS(M)-JUN-2013)**

KETERANGAN : TAWARAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI ALATAN SAINS UNTUK PUSAT TINGKATAN ENAM SENGKURONG, BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. (KATEGORI E : NON DISPOSABLES) BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TAWARAN : \$35.00

(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU,
9 Julai 2013
(Tidak lewat jam 2.00 petang)**

**WAKTU-WAKTU PENERIMAAN
WANG BAYARAN YURAN/DOKUMEN TAWARAN**

ISNIN - KHAMIS

**8.00 PAGI HINGGA 11.45 PAGI
1.45 PETANG HINGGA 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI**

Syarat-Syarat Iklan Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat- Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran Yuran Tawaran bagi setiap tawaran adalah dikehendaki dalam bentuk Wang Tunai. Penawar adalah di kehendaki membayar semua Yuran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penawar sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender).

3. Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam Iklan Tawaran.

4. Sebelum mengambil borang, setiap Penawar hendaklah membayar yuran Tawaran, di **Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam** Sila pastikan Resit pembayaran Yuran Tawaran yang di terima adalah betul.

Hari dan Waktu Pembayaran

Isnin hingga Khamis

**8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi
1.45 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

5. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di **Tingkat 1, Blok 'A', 'Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam** dengan menyertakan resit pembayaran.

6. Setiap borang Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan **Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Yuran Tawaran**.

7. Tawaran-Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran tanpa menunjukkan indentiti Penawar dan ditujukan kepada :-

**Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan.**

8. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam**.

9. Tawaran-Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai Tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima Tawaran yang paling rendah atau sebarang Tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap Tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penawar yang menolak atau membatalkan Tawaran atau kontrak setelah kebenaran Tawaran diperolehi atau setelah tutup Tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang di berikan oleh Lembaga Tawaran Negara.



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KEBANKRAPAN NO. 413 TAHUN 2012
BAIDURI FINANCE BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
SALIHA BINTI MERUSIN
(BYIC No. 00-065995)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 Mac 2013**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
SALIHA BINTI MERUSIN
No. 4, Simpang 39-81, Lot 8315,
Jalan Pandan 7, Kuala Belait, and / or care
of Brunei Shell Petroleum Co. Sdn. Bhd.,
Kuala Belait KB3534
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 5 November 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 16 Mac 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **19 Jun 2013, jam 9.45 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Jun 2013, jam 9.45 pagi**.
Bertarikh : 1 April 2013

**KEBANKRAPAN NO. 400 TAHUN 2012
BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
**MUHAMMAD TAZMIN BIN
HAJI TENGAH**
(BYIC No. 00-263258)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 2 Mac 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
**MUHAMMAD TAZMIN BIN
HAJI TENGAH**
No. 15, Simpang 52-6,
Jalan Muara, Kampung Manggis Satu
BC3615
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 11 Oktober 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 2 Mac 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **15 Jun 2013, jam 9.15 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **15 Jun 2013, jam 9.15 pagi**.
Bertarikh : 10 April 2013

**KEBANKRAPAN NO. 172 TAHUN 2012
STANDARD CHARTERED BANK**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
NORAINI BINTI HAJI MOHIDDIN
(BYIC No. 00-112484)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 11 April 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
NORAINI BINTI HAJI MOHIDDIN
No. H2-1, Perumahan Bomba Lamunin,
Tutong TG2343 and / or
Bahrudin Haji Bakir, Balai Bomba,
Tutong TA1941
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 8 Ogos 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 11 April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **13 Jun 2013, jam 11.00 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **13 Jun 2013, jam 11.00 pagi**.
Bertarikh : 20 Mei 2013

**KEBANKRAPAN NO. 99 TAHUN 2012
HSBC FINANCE (B) BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
**PENGIRAN OMAR BIN PENGIRAN
MOHAMMAD ZAIN**
(BYIC No. 00-122040)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 11 April 2013.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
**PENGIRAN OMAR BIN PENGIRAN
MOHAMMAD ZAIN**
No. 1, Simpang 43-48, STKRJ Lorong 3
Selatan, Seria KB2933
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 23 April 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 11 April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **13 Jun 2013, jam 10.45 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **13 Jun 2013, jam 10.45 pagi**.
Bertarikh : 20 Mei 2013

**KEBANKRAPAN NO. 336 TAHUN 2012
HSBC FINANCE (B) BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
RIDZUAN BIN HAJI AHMAD
(BYIC No. 00-261704)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 27 April 2013.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
RIDZUAN BIN HAJI AHMAD
No.14, Blok B, Barek Polis, Kawalan Diraja
Istana Nurul Izzah, Jerudong
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 5 November 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 27 April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **26 Jun 2013, jam 2.45 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 Jun 2013, jam 2.45 pagi**.
Bertarikh : 4 Jun 2013

**KEBANKRAPAN NO. 388 TAHUN 2012
BIBD AT-TAMWIL BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
1. HAMIDAH BINTI HAJI IBRAHIM
(BYIC NO. 00-129947)
2. PG. HAJI KAMALUDDIN BIN P.P.C.
PG HAJI DAMIT (BYIC 00-048641)

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 27 April 2013.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
1. HAMIDAH BINTI HAJI IBRAHIM
G48, Blok E, Barek Bomba Lapangan
Terbang, Jalan Terunjing, Berakas
2. PG. HAJI KAMALUDDIN BIN P.P.C.
PG HAJI DAMIT
Block EF24, No. 3, Kawasan Perumahan
Beribi Kampung Beribi,
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 29 November 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 27 April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **26 Jun 2013, jam 2.15 petang**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 Jun 2013, jam 2.15 petang**.
Bertarikh : 4 Jun 2013

**KEBANKRAPAN NO. 438 TAHUN 2012
THE HSBC LIMITED**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
MOHAMMAD BIN HAJI SAIDIN
(ABDB No. 00-128677)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 27 April 2013.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
MOHAMMAD BIN HAJI SAIDIN
No. 25, Jalan 1, Simpang 139,
Kampung Perpindahan Lambak Kanan,
Berakas BC2715
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 2 Januari 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 27 April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **26 Jun 2013, jam 2.00 petang**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 Jun 2013, jam 2.00 petang**.
Bertarikh : 4 Jun 2013

**KEBANKRAPAN NO. 475 TAHUN 2011
BAIDURI BANK BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
PG. BAHAR ALI BIN HAJI MOKHTAR
PUTEH
(BYIC No. 00-033604)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 16 Februari 2012.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
PG. BAHAR ALI BIN HAJI MOKHTAR
PUTEH
No. 1, Simpang 1141-43-57,
Jalan Surau, Kampung Tanjong Bunut,
Mukim Kilanas BF2920
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 9 November 2011

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 16 Februari 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **18 Julai, jam 10.15 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang

adalah ditetapkan pada **18 Julai, jam 10.15 pagi**.

Bertarikh : 4 Jun 2013

**KEBANKRAPAN NO. 574 TAHUN 2012
BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
RINA BINTI ABDULLAH @ CHANDU
ANAK ATAT
(BYIC No. 00-280348)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 13 April 2013.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
RINA BINTI ABDULLAH @ CHANDU
ANAK ATAT
No. 17-A / Lot 2312, Jalan Komplek Sukan
Mumong, Kuala Belait KC1931
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 31 Disember 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **22 Ogos 2013, jam 10.15 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **22 Ogos 2013, jam 10.15 pagi**.
Bertarikh : 20 Mei 2013

**KEBANKRAPAN NO. 147 TAHUN 2011
HSBC FINANCE (B) BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
ABDUL AZIZ BIN ABDULLAH BIJU
(BYIC No. 00-292026 / RBPf No. 004647)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 22 September 2012.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
ABDUL AZIZ BIN ABDULLAH BIJU
Blok A, SPO Flat, No.3, RUC Gadong
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 9 Julai 2011

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 22 September 2012.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **18 Julai 2013, jam 1.15 petang**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **18 Julai 2013, jam 1.15 petang**.
Bertarikh : 20 Mei 2013

Semua Si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab keagalannya.

Filipina U15 tumpaskan NFABD U15, 3 - 0



AKSI menarik di antara kedua-dua pasukan NFABD (jersey jingga) dan pasukan Filipina (jersey putih).

Oleh : Bakar Haji Abul Rahman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Jun. - Hasrat pasukan Filipina U15 mengutip mata penuh dalam Kejohanan Piala FAM Frenz ASEAN buat pertama kalinya terwujud apabila menumpaskan pasukan NFABD U15 dengan jaringan 3-0 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Pasukan Filipina U15 yang sebelum ini belum lagi mengutip sebarang mata selepas tumpas dalam kesemua perlawanan secara langsung mewujudkan impian Ketua Jurulatihnya, Andres Crisanto Gonzales yang membawa misi untuk mempamerkan persembahan terbaiknya.

Namun kekalahan pasukan anak buah Liew Chuan Fue pada malam ini juga secara langsung meletakkannya pada

kedudukan yang tercorot daripada enam buah pasukan dalam Kumpulan 'B'.

Filipina U15 membawa misi berat mereka apabila berjaya mendahului jaringan pada minit ke-28 menerusi Major Dean Ebarle.

Lapan minit kemudian tekanan ke atas pasukan Filipina U15 semakin terhakis apabila melebarkan jurang hasil jaringan yang dilakukan oleh Jeremiah Borlongon dan sebaliknya menjadi bebanan buat pasukan tuan rumah.

Sebastian Rafael Benedict Patangan melengkapkan jaringan pasukan pelawat apabila sepakan kencangnya di luar petak 'D' gagal ditepis Md. Ishyra Asmin untuk menjadikan kedudukan 3-0.

Menurut Ketua Jurulatih NFABD U15, Liew Chuan Fue,

salah satu faktor kekurangan pasukannya adalah berpunca daripada tanggapan pemain yang salah ke atas pasukan lawan selain *recovery* pemain yang belum mencukupi.

Dalam pada itu beliau juga tidak menafikan cara sebilangan pemain yang mengawal bola terlalu lama di kaki sehingga mudah untuk dirampas oleh pemain pasukan lawan.

Pasukan NFABD U15 dijangka akan bermain lagi di laman sendiri pada 25 Jun lepas di tempat dan masa yang sama menentang pasukan Laos.

Kejohanan Piala FAM Frenz ASEAN bawah 15 tahun ini dianjurkan bersama Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan Frenz United Football Academy yang bermula akhir bulan Mei hingga bulan September depan dengan hasrat untuk mencungkil bakat sukan bola sepak negara.

Alex Boon Chin Fatt rangkul Piala Suzuki 2013

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

MUARA, Ahad, 23 Jun. - Alex Boon Chin Fatt muncul juara keseluruhan Perlumbaan Kereta Tahan Lasak Pacuan Empat Roda Piala Suzuki 2013 bagi Kategori 'Relay Modified' dengan menerima BND1,500 yang berlangsung di Lebuhraya Muara/Tutong, di sini.

Naib juara kategori yang sama disandang oleh Awang Mohd. Isa bin Jainuddin yang menerima hadiah wang tunai BND1,000 dan di tempat ketiga pula ialah Awang Muhd. Harddi bin Haji Puasa yang menerima hadiah berupa wang tunai dan BND700.

Menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina binti Othman selaku tetamu kehormat.

Perlumbaan Kereta Tahan Lasak Pacuan Empat Roda tersebut telah dirasmikan kelmarin dengan memperandingkan dua kategori iaitu Kategori 'Open Relay Standard' yang telah dijuarai oleh Awang Mohd. Samdi bin Haji Bakir dan juara bagi Kategori 'Team Relay' disandang oleh Samdi Team A.

Pada perlumbaan kali ini, jawatankuasa telah menitikberatkan isu-isu keselamatan pengguna dengan memastikan setiap peserta memakai alat-alat keselamatan tertentu seperti topi keledar, tali pinggang keselamatan, 'safety bar' pada kenderaan

dan sebagainya.

Pertandingan Perlumbaan Kereta Tahan Lasak merupakan aktiviti tahunan kali kedua yang telah diumumkan oleh dua organisasi iaitu Boustead Sdn. Bhd. dan Persatuan Gabungan Berwawasan 4X4 Daerah (PGB), yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan bahagian pengurusan dan warga Boustead Sdn. Bhd. serta Ahli-ahli PGB.

Selain itu, melalui anjuran perlumbaan sebegini akan dapat memantapkan lagi

kerjasama di antara satu dengan yang lain dengan memberikan peluang terbuka bagi peminat-peminat pacuan empat roda untuk menyaksikan perlumbaan berkenaan.

Hadir sama menyaksikan perlumbaan berkenaan Pengarah Urusan Boustead Sendirian Berhad, Dato Paduka Lim Beng Thai; Pengerusi Majlis, Awang Haji Ahmad bin Haji Abd Razak; Pengurus-pengurus Boustead Sdn. Bhd. dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja.



PARA pelumba dikehendaki melalui halangan yang mencabar dan pemenang dinilai melalui catatan masa terpanjang setelah menghabiskan satu litar perlumbaan.

Kelab IKGA sertai Seminar, Ujian Karate



RENSHI Shihan Hideki Wakasugi (tengah) semasa bergambar ramai bersama peserta.

Berita dan Foto :
Ihsan Kelab Ikga Goju-Kai Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Jun. - Seramai 20 ahli karate dari Sekolah Menengah (SM) Berakas, Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, SM Rimba II, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dari Kelab Ikga Goju-Kai Brunei Darussalam

(IKGA) telah menyertai Seminar dan Ujian Karate.

Majlis tersebut berlangsung di Dewan Serbaguna, SM Berakas, di sini.

Seminar dan Ujian Karate telah dilkendalikan oleh seorang jurulatih yang berpengalaman dari Jepun, Renshi Shihan Hideki Wakasugi yang

merupakan seorang pemegang Tali Pinggang Hitam Renshi 6th Dan, dan bekas jurulatih pasukan kebangsaan Brunei Darussalam selama enam tahun.

Beliau juga sering mengadakan seminar karate di seluruh Eropah, Amerika dan Asia dan merupakan jurulatih Renshi 6th Dan yang dianugerahkan oleh Japan Amateur Sport Association (JASA).

Majlis juga diteruskan dengan penganugerahan kepada dua orang Jurulatih IKGA Brunei iaitu



RENSHI Shihan Hideki Wakasugi menyampaikan sijil kepada peserta.

Muhammed Shukri bin Haji Masri dan Azlina binti Haji Abas dengan anugerah Kelas 2nd Dan.

Goju-Ryu Karate adalah salah satu gaya utama dalam karate di Kepulauan Okinawa dan Jepun, dengan lebih daripada 60 buah negara yang bergabung bersama IKGA.

Tujuan Seminar dan Ujian Karate antaranya adalah untuk membuat ujian karate kepada pemain-pemain karate Brunei Darussalam serta mengadakan seminar karate kepada

pemain-pemain Kelab Goju-Kai di samping mempromosi Pertandingan 6th IKGA Kejohanan Dunia dan Kongres yang akan diadakan di Mumbai, India pada bulan Disember ini yang mana beliau berharap ahli-ahli karate Brunei Darussalam dapat menyertainya.

Seminar karate yang diadakan pada hari Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad merupakan latihan intensif yang diadakan waktu pagi, petang dan malam semasa musim cuti persekolahan.

Sukan Hari Keluarga kukuhkan silaturahim

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Ahad, 16 Jun. - Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria telah menganjurkan sambutan Hari Keluarga bagi mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga



PENGERUSI Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Ishak bin Haji Abu Hanifah turut menyertai bersama warga jabatan melakukan senam sihat.

jabatan dan keluarga mereka.

Lebih 30 acara sukan meliputi 10 bahagian dipertandingkan bagi penyertaan semua pegawai dan kakitangan termasuk keluarga

masing-masing seperti sukan rakyat meliputi lumba ikat kaki suami isteri, suami memasang tudung isteri, lumba guni kanak-kanak, menggolek tayar ganti-ganti, tarik kalat, futsal pakai kain pelikat, tutup mata sambil berjalan, tendang bola masuk lubang tayar dan lain-lain.

Aktiviti sukan yang berkonsepkan kekeluargaan merupakan salah satu aktiviti tahunan jabatan dan sambutan pada tahun ini menjurus kepada konsep sambutan kebangsaan tahun ini Keluargaku Harapanku diadakan di Padang Bandaran, di sini.

Sebelum aktiviti sukan dimulakan, warga jabatan terlebih dahulu melakukan sesi senam sihat beramai-ramai yang turut disertai, Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Ishak bin Haji Abu Hanifah beserta keluarga.

Lebih 300 pegawai dan kakitangan termasuk keluarga hadir dan sambutan berakhir dengan penyampaian hadiah daripada Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Objektif sambutan mewujudkan keluarga yang kukuh, berdaya maju dan berdaya tahan, di samping



SERONOK ... Acara memancing tin turut disertai Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Ishak bin Haji Abu Hanifah.

meningkatkan kesejahteraan keluarga melalui program sukan.

Selain itu sambutan juga bagi

menanamkan semangat berpasukan dan memupuk sifat bersefahaman dalam kalangan warga jabatan.

Brunei akan sertai Kejohanan Bola Jaring Belia Asian



SETIAUSAHA Kehormat Persatuan Bola Jaring Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Mariam binti Haji Mohammad semasa perjumpaan bersama media tempatan yang diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Jun. - Sebanyak 10 buah pasukan dari 10 buah negara Asia dijangka akan berentap bagi merebut kejuaraan pada Kejohanan Bola Jaring Belia Asian Kali Ke-8 2013, yang bakal diadakan di negara ini.

Kejohanan yang dikendalikan oleh Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan tersebut dijangka akan bermula 30 Jun hingga 7 Julai depan dan akan berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Pasukan-pasukan yang akan menyertai kejohanan tersebut terdiri Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Singapura, Jepun, Hong Kong, Thailand, Nepal, Maldives, India dan

Sri Lanka.

Pada pusingan awal kejohanan akan dibahagikan kepada dua kumpulan yang mana pasukan negara telah ditempatkan bersama pasukan Jepun, Hong Kong, India dan Malaysia.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Setiausaha Kehormat Persatuan Bola Jaring Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Mariam binti Haji Mohammad semasa perjumpaan bersama media tempatan yang diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Beliau berkata segala persiapan kejohanan kini berjalan dengan lancar dan sekarang hanya menunggu saat kejohanan ini berlangsung.

Pasukan pertama yang akan mula

tiba ke negara ini ialah Singapura dan Sri Lanka iaitu pada 28 Jun.

Dengan kesudahan kejohanan ini tambah beliau secara langsung juga akan menentukan kedudukan ranking pasukan-pasukan yang bertanding pada carta kedudukan Asia.

Pada saat ini menduduki carta teratas Asia dikuasai oleh Malaysia diikuti Sri Lanka pada kedudukan kedua dan ketiga diduduki oleh Singapura.

Menyentuh persiapan pasukan negara, beliau menjelaskan bahawa mereka kini sudah bersiap sedia di bawah bimbingan jurulatih kebangsaan dan ianya telah dibentuk sejak tahun lepas.

Beliau berharap dengan kejohanan ini pasukan negara akan tampil menyerlah dan menimba seberapa banyak pengalaman namun tidak mahu meletakkan harapan yang terlalu tinggi hanya ingin tergolong 6 pasukan teratas sahaja.

Akademi MV mara ke final

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Jun. - Pasukan Akademi Muara Vella (MV) akan bertemu Pasukan Al-Idrus Junior (Brunei Muara) pada perlawanan akhir Liga Kebangsaan Bawah 16 Tahun NFABD-TelBru 2013.

Pasukan Akademi Muara Vella terpaksa menunggu di masa tambahan sebelum menempah tiket ke final selepas menghancurkan harapan Belait 'A' 3-0 setelah dalam 80 minit perlawanan terikat tanpa jaringan.

Anak buah Mohammad Haji Tunjang yang lebih banyak menguasai perlawanan dalam babak pertama, bagaimanapun kerap hampa selepas banyak terlepas peluang untuk menyumbat gol terutama menerusi penyerangnya Abdul Khair Haji Basri dan Abd. Azim Abd. Rashid apabila penjaga gawang Belait 'A' berjaya menafikan percubaan berkenaan sehingga babak pertama berakhir.

Bersambung separuh masa kedua, kedua-dua pasukan kembali menampilkan perlawanan seimbang dengan berbalas serangan tetapi beberapa percubaan Akademi Muara Vella dan Belait 'A' semuanya tersasar.

Dua percubaan bahaya penyerang Muara Vella, Abdul Khair bagaimanapun berjaya ditepis penjaga gol Belait 'A' dan kecekapan penjaga gol itu terpaksa mengheret ke perlawanan masa tambahan.

Akademi Muara Vella lebih bijak menggunakan kesempatan pada minit kedua masa tambahan hasil jaringan dalam kawasan D, Suhaimi anak Sulau.

Jaringan itu membakar semangat skuad muda Akademi Muara Vella sehingga gol kedua menyusul pad minit ke-8 melalui jaringan cantik Abdul Khair Haji Basri.

Percaturan Suhaimi, Abdul Khair dan Haimie Anak Nyaring terus membuahkan hasil dengan gol ketiga terhasil menerusi sentuhan menarik dalam kawasan D, Haimie anak Nyaring.

Belait 'A' cuba bangkit tetapi sayang kedua-dua percubaan bahaya bagaimanapun dapat diselamatkan penjaga gawang Akademi Muara Vella sekali gus akur dengan kekalahan 0-3.

Perlawanan separuh akhir Liga Kebangsaan Bawah 16 Tahun berlangsung malam ini di Balapan dan Padang, Berakas, di sini.



SEBAHAGIAN aksi perlawanan Pasukan Akademi Muara Vella ketika bertemu dengan Pasukan Belait 'A' dalam perlawanan separuh akhir Liga Bolasepak Kebangsaan Bawah 16 Tahun.

Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap



Oleh : Pg. Haji Waliyuddin
Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Jun.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam telah berkenan menerima mengadap Puan Julia Fenn, Isteri Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom dan Northern Ireland ke Negara Brunei Darussalam Tuan Yang Terutama Robert Dominic Russell Fenn.

TYT, Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom dan Northern Ireland yang mula berkhidmat di Negara Brunei Darussalam pada 6 Ogos 2009 akan menamatkan perkhidmatannya ke negara ini.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Puan Julia Fenn, Isteri Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom dan Northern Ireland ke Negara Brunei Darussalam Tuan Yang Terutama Robert Dominic Russell Fenn.

Lindungi diri daripada kesan akibat jerebu

Berangkat ke Kota Baharu, Kelantan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Kota Baharu, Kelantan bagi menghadiri perkahwinan di antara Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi dan Yang Amat Mulia Tengku Amalin 'Aishah Puteri binti Sultan Ismail Petra.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Kota Baharu, Kelantan bagi menghadiri perkahwinan di antara Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi dan Yang Amat Mulia Tengku Amalin 'Aishah Puteri binti Sultan Ismail Petra.

Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, pada hari tersebut, berangkat ke Kota Baharu, Kelantan bagi menghadiri perkahwinan di antara Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi dan Yang Amat Mulia Tengku Amalin 'Aishah Puteri binti Sultan Ismail Petra.

Dari muka 1

- Menggunakan krim atau losyen pelembap bagi kulit yang kering.
- Menggunakan cecair titik mata yang tidak mempunyai bahan pengawet (preservative-free eye drops) jika mata terasa pedih.

Apa yang lebih penting, jika terdapat tanda-tanda akibat jerebu seperti demam selesema, alahan (allergy) dan kesukaran bernafas, orang ramai dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera di pusat-pusat kesihatan yang berhampiran atau di hospital-hospital.

Orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk sentiasa mengikuti perkembangan

'Pollutant Standard Index' (PSI) di Negara Brunei Darussalam yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (www.env.gov.bn) dan mengikut nasihat kesihatan semasa menghadapi jerebu seperti berikut:

Kementerian Kesihatan akan terus memantau keadaan kesihatan akibat jerebu dan akan memberikan maklumat kepada orang ramai dari semasa ke semasa.

Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi Healthline di talian 145 atau 7180991 atau dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

Rajah 1 NASIHAT KESIHATAN SEMASA MENGHADAPI JEREBU			
INDEX PENCEMARAN UDARA (PSI)	ORANG RAMAI YANG SIHAT DAN TIDAK MEMPUNYAI MASALAH KESIHATAN	KANAK-KANAK, WANITA MENGANDUNG, WARGA EMAS	ORANG-ORANG YANG MENGHADAPI PENYAKIT JANTUNG ATAU PENYAKIT PARU-PARU
<50	Boleh melakukan sebarang aktiviti di luar rumah	Boleh melakukan sebarang aktiviti di luar rumah	Boleh melakukan sebarang aktiviti di luar rumah
TAHAP BAIK			
51-100	Boleh melakukan sebarang aktiviti di luar rumah	Dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti di luar rumah	Dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti di luar rumah
TAHAP SEDERHANA			
101- 200	Dinasihatkan untuk menghadkan aktiviti fizikal yang berat ** atau berpanjangan*** di luar rumah	Dinasihatkan untuk menghadkan semua aktiviti di luar rumah	Dinasihatkan untuk menghadkan semua aktiviti di luar rumah
TAHAP TIDAK MENYIHATKAN			
> 200	Dinasihatkan untuk menghadkan pendedahan kepada jerebu di luar rumah [Dinasihatkan menggunakan mask jenis N95 jika aktiviti di luar rumah tidak dapat dielakkan]	Dinasihatkan untuk menghadkan semua aktiviti di luar rumah [Warga emas yang tidak dapat melaksanakan aktiviti di luar rumah dinasihatkan menggunakan mask jenis N95]	Dinasihatkan untuk menghadkan semua aktiviti di luar rumah [Dinasihatkan menggunakan mask jenis N95 jika aktiviti di luar rumah tidak dapat dielakkan]
TAHAP SANGAT TIDAK MENYIHATKAN KE TAHAP MERBAHAYA			

** Berat = ? melibatkan penggunaan tenaga yang banyak seperti bermain bola, jogging, berbasikal, bersenamrobik

*** Berpanjangan = pendedahan kepada jerebu selama beberapa jam ?

* Penghadap penyakit jantung atau paru-paru yang merasa kurang selesa semasa memakai "N95 mask" hendaklah berhenti menggunakannya, berhenti melakukan aktiviti di luar rumah dan berjumpa doktor untuk mendapatkan nasihat

'WUJUDKAN KESEDARAN DIRI SENDIRI'

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.